

Ikrar  
Faris Shah 24

# Prospek Masjid Tanah

**USAHA** Kerajaan Melaka mahu menjadikan Masjid Tanah sebagai daerah penuh menjelang 2025 dilihat sebagai satu inisiatif positif dalam menjadikan agenda pembangunan negeri ini akan terus relevan dan mampan. Malah, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali telah menggerakkan pelbagai langkah bagi memastikan ianya dapat direalisasikan secara berperingkat. **2 & 3**





# Ambil masa untuk tubuh daerah baharu - Idris

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

PENUBUHAN daerah baharu di Masjid Tanah mungkin bakal mengambil masa yang agak lama untuk direalisasikan, kata Pengurus Jawa-tanakuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar, Pengurusan Banjir dan Teknologi Hijau negeri Datuk Seri Utama Ir Idris Haron.

Beliau berkata, hal itu kerana proses ke arah merealisasikan hasrat tersebut masih lagi panjang yang mana ia akan melibatkan sebuah jawa-tanakuasa di peringkat perse-

## Jumlah Sekolah dan IPT di Masjid Tanah

**Sekolah - 41**

**Institut Pengajian Tinggi (IPT) - 7**

kutuan yang akan dipengaruhi Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

"Selepas itu, ia memerlukan pula kelulusan bagi penambahan atau pengukuhan jawatan dalam perkhidmatan

awam dan sebagainya.

"Jadi, prosesnya masih banyak dan ia akan memakan masa sebelum kita dapat mengumumkan Masjid Tanah sebagai daerah baharu," katanya ketika dihubungi Melaka Hari

Ini.

Idris bagaimanapun mengakui kerja-kerja ke arah merasasikan hasrat tersebut sedang giat dijalankan ketika ini.

Jelasnya, perkara itu boleh dilihat melalui kewujudan bangunan serta agensi kerajaan yang baharu di Pekan Masjid Tanah yang akan dilancarkan dalam masa terdekat.

"Dalam masa terdekat kita akan dapat melihat pejabat kerajaan yang baharu seperti pejabat daerah dan tanah, pejabat pihak berkuasa

tempatan (PBT) dan lain-lain di kawasan Masjid Tanah yang mana ia adalah antara usaha awal kerajaan negeri bagi menambah baik perkhidmatan di peringkat daerah.

"Jadi, ini bukan sahaja akan memudahkan urusan penduduk setempat yang tidak perlu lagi ke Bandar Alor Gajah semata-mata untuk membuat urusan berkaitan kerajaan, tetapi saya juga melihat ini adalah satu tandanya awal ke arah penubuhan Daerah Masjid Tanah yang sedang kita rangka ketika ini," katanya lagi.



IDRIS



Penubuhan daerah baharu itu sewajarnya dilaksanakan sebelum ini, memandangkan Masjid Tanah telah menjadi tumpuan sejak dahulu lagi.

Mariam Yusuf, 60,

## Penduduk Masjid Tanah teruja



PENUBUHAN daerah baharu Masjid Tanah bakal menyaksikan sektor ekonomi di kawasan tersebut akan berkembang dengan pesat. Foto MR. Azli



Apabila ada PBT baharu, segala urusan akan berjalan lancar kerana mudah untuk kami berurus. Golongan peniaga kecil seperti saya amat mengharapkan penubuhan daerah baharu ini akan menjadi kenyataan.

Hanis Azira Abdul Rahman, 29,



Kami cuba untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan bermiaga namun sekiranya ditawarkan pekerjaan yang setaraf dengan pendidikan, ia pastinya meningkatkan taraf kehidupan anak muda di kawasan ini.

Nasrul Razali, 28

### FAIZ HASAN

**MASJID TANAH** - Hasrat Kerajaan Melaka untuk menjadikan Masjid Tanah sebagai daerah baharu di negeri ini disambut baik oleh penduduk tempatan, selain turut menyifatkan ia sebagai inisiatif terbaik dalam memudahkan sebarang urusan dengan perkhidmatan kerajaan.

Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati rata-rata penduduk tempatan amat berharap agar ianya dapat direalisasikan segera bagi memastikan sektor ekonomi di Masjid Tanah akan terus rancak.

Seorang penduduk, Mariam Yusuf, 60, berkata penubuhan daerah baharu itu sewajarnya dilaksanakan sebelum ini, memandangkan Masjid Tanah telah menjadi tumpuan sejak dahulu lagi.

"Penduduk di kawasan daerah Alor Gajah juga ada yang berkunjung ke kawasan Masjid Tanah yang di-

lengkapi dengan pelbagai kemudahan asas termasuk pasar raya yang beroperasi di kawasan ini.

"Selain itu, kepadatan penduduk di sini juga dilihat semakin meningkat dengan terbinanya beberapa taman perumahan baharu dan perkara ini wajar dilaksanakan bagi memudahkan penduduk mendapatkan perkhidmatan kerajaan dengan lebih mudah, contohnya seperti pembayaran cukai dan sebagainya," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Bagi seorang pemuda, Nasrul Razali, 28, berharap penubuhan daerah baharu itu mampu menawarkan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan kerajaan kepada graduan siswazah seperti diri.

Katanya, kebanyakan golongan lepasan universiti di Masjid Tanah masih menantikan tawaran pekerjaan, sehingga ada yang mengambil inisiatif melaksanakan pekerjaan sendiri seperti bermiaga ke-

cil-kecilan.

"Kami cuba untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan bermiaga namun sekiranya ditawarkan pekerjaan yang setaraf dengan pendidikan, ia pastinya meningkatkan taraf kehidupan anak muda di kawasan ini," katanya.

Sementara itu, peniaga, Hanis Azira Abdul Rahman, 29, berkata, dengan adanya daerah baharu itu, ia

bakal menempatkan pejabat pihak berkuasa tempatan (PBT) yang dilihat akan memudahkan segala urusan pelesiran dan pelbagai lagi.

"Apabila ada PBT baharu, segala urusan akan berjalan lancar kerana mudah untuk kami berurus. Golongan peniaga kecil seperti saya amat mengharapkan penubuhan daerah baharu ini akan menjadi kenyataan," ujarnya.

### WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.25 am	1.27 pm	4.48 pm	7.26 pm	8.38 pm
2 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.25 am	1.27 pm	4.48 pm	7.27 pm	8.39 pm
3 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.25 am	1.27 pm	4.48 pm	7.27 pm	8.39 pm
4 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.25 am	1.27 pm	4.48 pm	7.27 pm	8.39 pm
5 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.25 am	1.28 pm	4.48 pm	7.27 pm	8.39 pm
6 FEBRUARI 2021	6.14 am	7.25 am	1.28 pm	4.48 pm	7.27 pm	8.39 pm
7 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.25 am	1.28 pm	4.48 pm	7.28 pm	8.39 pm

# Melaka benarkan maksimum 500 jemaah di masjid

SERI NEGERI – Kerajaan Melaka membuat keputusan membenarkan maksimum 500 jemaah di masjid-masjid negeri mulai 28 Januari lepas.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, perkara itu diputuskan bagi menambah baik pengimaran masjid-masjid di negeri ini.

Beliau bagaimanapun menjelaskan 500 jemaah itu hanya melibatkan masjid negeri, manakala bagi masjid kariah dan institusi, kapasiti yang dibenarkan ialah 250 jemaah, sementara 75 jemaah pula untuk surau.

“Jumlah jemaah untuk aktiviti yang dibenarkan adalah berdasarkan kapasiti bangunan masjid dan surau yang jemaah biasa bersolat padanya, dengan penjarakan fizikal satu meter. Solat di luar bangunan masjid dan surau adalah dilarang.

“Manakala aktiviti masjid yang dibenarkan ialah Solat Jumaat, solat fardhu lima waktu berjemaah serta kuliah Maghrib dan bacaan Yassin selepas Maghrib pada setiap Khamis malam Jumaat.

“Jawatankuasa masjid



**KERAJAAN** Melaka membuat keputusan membenarkan maksimum 500 jemaah di masjid-masjid negeri mulai 28 Januari lepas. Foto MR. Azli

dan surau hendaklah memastikan jemaah mematuhi tata-cara operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti pendaftaran jemaah, pemakaian pelitup muka dan menjaga penjarakan fizikal,” katanya dalam satu kenyataan rasmi pada 27 Januari lepas.

Mengulas lanjut mengenai

kuliah Maghrib serta bacaan Yaasin dan Tahlil pada hari Khamis malam Jumaat, beliau memaklumkan ia hendaklah dilaksanakan dalam tempoh yang sesuai tanpa melibatkan penceramah dari luar Melaka.

“Program selain kuliah Maghrib, bagaimanapun hendaklah ditangguhkan buat masa ini,” katanya.

Selain itu, beliau memaklumkan masjid dan surau di negeri ini juga dikehendaki mengadakan Solat Hajat dan membaca qunut nazilah selepas Solat Jumaat selama tiga minggu bermula 29 Januari bagi mendoakan keselamatan Negeri Melaka dan Malaysia terhindar daripada wabak penyakit.



**SULAIMAN**

## Majlis akad nikah dibenarkan tetapi bersyarat

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

ALOR GAJAH – akad nikah di Melaka masih dibenarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun perlu mematuhi syarat yang ditetapkan.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali memaklumkan, majlis akad nikah boleh dilangsungkan di mana-mana masjid kariah di zon kuning atau hijau di negeri ini, manakala bagi zon jingga atau merah, majlis tersebut hanya dibenarkan di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID).

Bagaimanapun, jelasnya kebenaran itu tertakluk kapasiti dan syarat tertentu yang ditetapkan di setiap kawasan.

“Kehadiran ke majlis akad nikah di PAID terhad kepada lapan orang iaitu jurunikah atau pendaftar, wali, pengantin lelaki, pengantin perempuan dan dua saksi dalam kalangan pegawai syarak atau pegawai JAIM (Jabatan Agama Islam Melaka) serta dua ahli keluarga lelaki dan perempuan.

“Bagi majlis akad nikah di masjid kariah atau lokasi yang ditetapkan oleh JAIM, hanya 15 orang sahaja dibenarkan hadir termasuk jurunikah atau pendaftar, wali, pengantin lelaki, pengantin perempuan dan dua saksi pegawai syarak.

“Tempoh majlis akad nikah juga haruslah tidak melebihi 20 minit termasuk bacaan khutbah nikah dan taklik,” katanya.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, bakal pengantin yang datang dari zon merah mesti menjalani ujian calitan COVID-19 dengan keputusan negatif dalam tempoh tiga hari sebelum majlis akad nikah sementara bagi bakal pengantin dari luar Melaka juga perlu mendapatkan kebenaran rentas negeri daripada polis.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan kerajaan negeri juga bersetuju untuk membuka perkhidmatan permohonan Kebenaran Berkahwin (KB), Temuduga Perkahwinan Islam, pendaftaran perkahwinan, perceraian dan rujuk serta urusan pentadbiran yang berkaitan dengannya seperti carian sijil nikah, cerai dan rujuk.

Namun, jelasnya, kesemua perkhidmatan itu hanya akan dibuka melalui janji temu, manakala perkhidmatan khidmat nasihat dan rundingcara kekeluargaan akan dijalankan secara atas talian atau bersemuka melalui janji temu.

“Namun, untuk beberapa perkhidmatan lain seperti permohonan pernikahan bagi kedua-dua bakal pengantin yang bukan pemastautin Negeri Melaka dan Kursus Praperkahwinan Islam (KPI) secara bersemuka masih ditangguhkan sehingga dimaklumkan kelak,” katanya.

## Yuran bulanan Tadika JAIM dipulangkan Melaka komited kurangkan beban ibu bapa

YURAN – bulanan bagi murid yang tidak hadir ke Tadika Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 hendaklah dipulangkan.

Itu antara yang telah digariskan kerajaan negeri dalam usaha mengurangkan beban ibu bapa sepanjang tempoh tiga minggu negara melaksanakan PKP

2.0 bermula 21 Januari hingga 4 Februari depan.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, sehingga kini Tadika JAIM di kawasan zon merah dan jingga di negeri ini masih ditutup sehingga satu tempoh yang akan dimaklumkan kemudian.

Situasi itu, jelasnya, membuatkan murid di kawasan zon merah dan jingga

terpaksa menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di rumah mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagaimanapun, ujarnya, bagi Tadika JAIM di kawasan zon hijau dan kuning masih dibenarkan beroperasi dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat seperti yang digariskan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

“Tadika JAIM di zon hijau dan kuning juga perlulah melakukan sanitasi dalam ruangan tadika secara berkala serta tidak membenarkan murid bergerila untuk hadir ke tadika.

“Manakala, bagi tadika yang tidak boleh menampung keseluruhan murid (5 tahun dan 6 tahun) pengoperasian premis hendaklah secara bergilir dengan penjarakan satu meter.

“Selain itu, pihak tadika juga perlu membuat pemakluman kepada ibu bapa bahawa kehadiran anak-anak ke tadika adalah secara sukarela dan tiada paksaan, selain perlu memulangkan semula yuran bulanan bagi murid tidak hadir sepanjang PKP,” katanya.



BAGI Tadika JAIM di kawasan zon hijau dan kuning masih dibenarkan beroperasi dengan pematuhan SOP yang ketat seperti yang digariskan MKN, KKM dan KPM (Gambar hiasan)

# Empat hospital swasta setuju rawat pesakit COVID-19

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**SERI NEGERI** – Empat hospital swasta di negeri ini bersetuju membantu Jabatan Kesihatan Melaka untuk merawat pesakit COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, hospital terbabit ialah Hospital Pantai Ayer Keroh, Hospital Pakar Putra Melaka, Mahkota Medical Centre dan Oriental Melaka Straits Medical Centre.

“Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kini sedang dalam usaha menyiapkan kaedah dan proses yang sesuai seperti kos rawatan dan latihan untuk membantu hospital swasta itu sebelum dibuka bagi pesakit COVID-19,” katanya dalam satu kenyataan pada 29 Januari lepas.

Selain itu, ujarnya, sebagai langkah kontingen sejiranya pesakit COVID-19 terlalu ramai di Hospital Melaka, pesakit bukan COVID-19 di negeri ini akan dipindahkan ke Hospital Alor Gajah dan Jasin.

“Itu merupakan antara pelan sokon-

gan bagi menangani peningkatan pesakit COVID-19 di negeri ini. Tetapi buat masa ini Hospital Melaka yang berfungsi sebagai hospital hybrid COVID-19 belum berdepan masalah lagi.

“Ini kerana kesemua pesakit COVID-19 berisiko rendah telah kita tempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19. Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) dan PKRC Kolej Kejururawatan Melaka, selain ada juga yang menjalani pengasingan dan pemantauan di rumah bagi pesakit kategori satu (tidak bergejala) dan kategori dua (gejala ringan),” katanya.

Mengulas lanjut, Rahmad berkata, sehingga kini seramai 3,617 petugas kesihatan yang turut merangkumi sukarelawan, badan bukan kerajaan (NGO), pasukan keselamatan dan pelbagai agensi lain telah digerakkan di Melaka sejak tahun lalu bagi



RAHMAD

mengatasi kekurangan tenaga kerja dan beban kerja menguruskas pesakit COVID-19.

Bagi menangani situasi petugas kesihatan yang keletihan dan terjejas emosi, KKM turut mengambil inisiatif menubuhkan Talian Sokongan Psikososial di peringkat negeri dan pusat serta bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan dan NGO dalam menganjurkan aktiviti ini.

“Pasukan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial turut digerakkan ke hospital serta fasiliti kesihatan untuk menyediakan Pertolongan Cemas Psikologi kepada petugas kesihatan dan bariisan hadapan yang memerlukan,” katanya lagi.

Pada masa sama, katanya, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka kini sedang mengenalpasti NGO serta sukarelawan bagi membantu proses vaksinasi yang dijangka akan bermula pada Februari ini.



**HOSPITAL** Pakar Putra Melaka merupakan salah satu daripada empat hospital swasta di negeri ini yang bersetuju membantu Jabatan Kesihatan Negeri Melaka untuk merawat pesakit COVID-19.

## Kem PLKN A'Famosa jadi penjara transit sementara

**ALOR GAJAH** – Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Jaya Gemilang A'Famosa, di sini, kini menjadi penjara transit sementara untuk banduan yang dipindahkan dari negeri lain.

Pengerusi Jawatankuasa Khas COVID-19 Negeri Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, penjara transit itu berfungsi untuk menjalankan saringan bagi kemasukan banduan baharu ke negeri ini dalam usaha mengelakkan sebarang kluster baharu membabitkan penjara.

Jelasnya, penjara transit terbabit kini di bawah kelolaan sementara Jabatan Penjara Malaysia yang bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengawal penularan COVID-19 dalam ka-

langan banduan serta pendaftaran asing tanpa izin (PATI).

“Sudah sebulan penjara ini diwujudkan hasil inisiatif awal kita untuk mengelakkan berlakunya penularan jangkitan dalam kalangan banduan dan petugas penjara memandangkan banyak kes yang berlaku sebelum ini.

“Jadi setiap banduan yang dihantar ke negeri ini akan tempatkan di sini dan kita akan buat ujian calitan COVID-19. Sekiranya, keputusan ujian negatif, barulah kita akan pindahkan mereka ke penjara sebenar,” katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Ghafaar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri berkata, orang ramai tidak seharusnya khuatir

dengan tahap keselamatan di kawasan berkenaan, memandangkan keseluruhan kawasan itu dikawal ketat bagi mengekalkan banduan daripada lolos.

“Bagi saya kawasan itu adalah tempat yang bersesuaian untuk penjara transit dan ia bukan tempat yang mudah untuk banduan melarikan diri.

“Dengan kawalan ketat daripada petugas penjara, saya percaya kem itu selamat daripada sebarang anasir yang tidak diingini,” katanya lagi.

Sebelum ini, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali dilapor berkata, 15 kem PLKN dan satu Kem Bina Negara bakal disewa untuk dijadikan penjara dan depoh tahanan sementara untuk banduan dan tahanan.

Fasiliti terbabit katanya,



GHAFaar

hanya akan digunakan untuk menempatkan banduan dan tahanan yang melakukan kesalahan ringan dalam usaha mengekang penularan COVID-19 kalangan banduan, PATI dan petugas.

**Selenggara sistem perparitan di kawasan ‘hotspot’ banjir kilat MBMB salur lebih RM3.23 juta**

**Liana Sahabudin**

**AYER KEROH** – Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) memperuntukkan lebih RM3.23 juta sepanjang 2019 hingga 2021 bagi menaik taraf dan menyelenggara sistem perparitan yang menjadi ‘hotspot’ banjir kilat di kawasan pentadbirannya.

Datuk Bandar MBMB, Datuk Zainal Abu berkata, antara lokasi itu adalah di Taman Terendak Permai Sungai Udang, Taman Tun Fatimah Durian Daun dan Taman Malim Jaya.

“Kita juga menubuhkan Ahli Projek Sistem Pengoperasian Pam Advanced (SPOP) dengan kerjasama rakan strategik MBMB iaitu TNB Research Sdn. Bhd. dan Intel Microelectronic (M) Sdn. Bhd.

“Projek inovasi MBMB ini direka untuk mengesan kadar kenaikan air sungai melalui aplikasi SPOP Advanced yang dipantau pegawai teknikal dan kontraktor penyelenggaraan bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Jelasnya, buat permulaan dua lokasi perintis projek itu dibuat di Jalan Bunga Raya Pantai dan Pulau Melaka.

“Penghasilan inovasi ini mampu memberi impak positif kepada masyarakat dan secara tidak langsung membantu mereka bersedia lebih awal sebelum berlakunya banjir kilat,” katanya.

Sementara itu, Zainal berkata, baru-baru ini MBMB turut membantu lima keluarga kakitangannya yang terjejas akibat bencana banjir di sekitar Temerloh dan Maran, Pahang.

Katanya, 25 kakitangan terdiri daripada ketua jabatan, pegawai kanan dan anggota MBMB dihantar untuk membantu misi pasca banjir di kedua-dua lokasi berkenaan.

“Misi bantuan tiga hari bermula 21 hingga 23 Januari lalu diketuai Pengarah Infrastruktur Komuniti dan Logistik MBMB, Ir. Mansor Mohamad.

“Kita turut mendapat kerjasama baik daripada Exco Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, Datuk Seri Shahaniza Shamsuddin,” katanya.



**KEM PLKN Jaya Gemilang A'Famosa** kini menjadi penjara transit sementara untuk banduan yang dipindahkan dari negeri lain.



# BKSA dan TNB potong bekalan elektrik atasi pencerobohan haram

**Farah Suhaidah Othman**

**SERI NEGERI** - Badan Kawal Selia Air (BKSA) menerusi kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) bertindak memotong bekalan elektrik terhadap lebih dari pada 10 premis yang diperdayai beroperasi secara haram di Empangan Durian Tunggal,

dalam operasi bersepadu pada 27 Januari lepas.

Operasi bersepadu bersama beberapa agensi termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) negeri serta Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah bermula pada jam 9 pagi dan berakhir tujuh kemudian itu membawa

bitkan seramai 32 anggota dan kakitangan.

Pengarah BKSA, Faizah Abdul Rahman @ Sulaiman berkata, meskipun notis penegosongan tapak sudah dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah, Alor Gajah namun masih terdapat aktiviti haram dijalankan di atas tanah rizab yang mempunyai bekalan elektrik dan air bersih dan seterusnya melaksanakan tindakan pemotongan utiliti tersebut oleh pihak TNB.

"Dalam operasi ini juga JIM Melaka turut melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan pemeriksaan permit bagi pekerja di tapak pencerobohan tersebut serta menahan

seorang perkerja asing yang tidak mempunyai permit yang sah," katanya dalam satu kenyataan pada 28 Januari lepas.

Mengulas lanjut, Faizah berkata pencerobohan tanah rizab itu bukan perkara baharu malah pelbagai tindakan diambil bagi mengarahkan penceroboh berkenaan mengosongkan kawasan tadahan air itu sejak tahun 2012.

Katanya, lebih mendukacitakan terdapat aktiviti pencerobohan tanah yang ba-

haru dengan penanaman pokok durian, buah naga dan sayur-sayuran oleh pihak tidak bertanggungjawab

"Berikut itu, kerajaan negeri sedang melaksanakan projek mematikan pokok kelapa sawit melalui kaedah suntikan dan memasang pagar di kawasan berkenaan.

"Matlamat utama projek itu adalah memastikan tiada lagi aktiviti pertanian dilakukan di kawasan tadahan bagi menjamin kualiti dan kuantiti air," katanya.



OPERASI bersepadu tersebut melibatkan 32 orang penguat kuasa dan pegawai dari Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, TNB, JIM Melaka, PDRM dan diketuai oleh Ketua Penguatkuasa BKSA, Muhammad Izzudin Ab Rahman.

## COVID-19 DI TEMPAT KERJA

**COVID-19**  
#KitaMestiMenang


**Siasatan kes dan penilaian risiko akan dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang menerima notifikasi kes positif.**

### Peranan majikan

- Lakukan sanitasi di ruang kerja kes positif dan ruang guna sama
- Kenalpasti pekerja yang memenuhi kriteria kontak rapat dan benarkan mereka bekerja dari rumah sehingga dihubungi oleh PKD untuk tindakan lanjut

### Penutupan tempat kerja berdasarkan penilaian berikut:

- Bilangan pekerja yang positif
- Bilangan pekerja yang terdedah kepada kes positif
- Ruang kerja yang terlibat (satu bahagian/ tingkat/ bangunan)
- Tahap pematuhan kepada SOP COVID-19



## Lanjut pengecualian sewa premis enam bulan lagi UiTM prihatin nasib peniaga

**Faiz Hasan**

**SHAH ALAM** - Universiti Teknologi MARA (UiTM) memberi lanjutan pengecualian sewaan selama enam bulan lagi kepada peniaga yang menyewa premis di setiap cawangan universiti di seluruh negara.

Naib Canselornya, Prof Emeritus Datuk Dr. Ir. Mohd Azraai Kassim berkata, pengecualian itu antara inisiatif UiTM Prihatin bagi mengurangkan beban peniaga di premis universiti itu yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Katanya, inisiatif tambahan buat kali kedua itu diteruskan selepas pengecualian pertama dilaksanakan pada April hingga September tahun lalu.

"Pengecualian khas ini

diberikan secara automatik kepada penyewa yang layak membabitkan 718 peniaga dengan nilai pendapatan sewaan UiTM hampir RM2.74 juta bermula pada 1 Oktober 2020 hingga 30 Mac 2021.

"Walaupun ia memberi kesan kepada pendapatan UiTM, pengurusan tertinggi bersympati dan memahami keadaan peniaga terjejas disebabkan majoriti pelajar tidak berada di kampus dan men-

gikuti pembelajaran atas talian di rumah masing-masing dan hanya sebilangan saja yang menetap di kolej kediaman.

"UiTM berharap dengan inisiatif ini mampu memberi kelegaan buat peniaga yang terkesan dan membolehkan mereka membuat perancangan semula dalam perniagaan," katanya dalam kenyataan dikeluarkan pada 28 Januari lepas.



# Nasib dua warga emas ‘tersisih’ dapat pembelaan kerajaan negeri

**SHA'ARI** (kiri) bersama wakil agensi terbabit mengiringi Pegawai Khas Ketua Menteri, Datuk Ghafar Misdar (tengah, baju putih) ketika mengunjungi Mohd Yusof yang tinggal di sebuah kedai terbengkalai di Taman Paya Rumput.



WAKIL JKM, Lembaga Perumahan Melaka (LPM) dan agensi terlibat melawat Aminah di Semabok, baru-baru ini.

**PENGKALAN BATU** – Nasib dua gelandangan yang hilang tempat bergantung dan masing-masing terpaksa menghuni bangunan terbengkalai dan pondok usang terbelah dengan keprihatinan kerajaan negeri menghulurkan bantuan.

Sebaik menerima aduan awam mengenai gelandangan terbabit, Bahagian Khidmat Musa'adah (BKM) Jabatan

Ketua Menteri Melaka (JKMM) membuat siasatan dan memutuskan supaya mereka segera dibantu termasuk diberikan tempat tinggal.

Pengarah BKM, Sha'ari Samsudin berkata, gelandangan pertama, lelaki berusia 67 tahun dikenali sebagai Mohd Yusof telah diberikan tempat tinggal di Pangsapuri Rumah Milik Majlis Agama

Islam Melaka (MAIM) di Pandang Jambu setelah dikesan menghuni sebuah bangunan kedai terbengkalai di Taman Paya Rumput.

Katanya, warga emas berasal dari Pulau Pinang itu disyaki diabaikan anak tunggalnya dan hilang tempat bergantung.

“Setelah menjalankan siasatan dan tinjauan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat

(JKM), MAIM dan agensi lain, segala bantuan diperlukan akan disegerakan buatnya.

JKM juga bakal menyuruhkan bantuan bulanan yang diharap mampu menyara kehidupannya,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, katanya gelandangan kedua, wanita berusia 76 tahun dikenali sebagai Aminah dari Semabok turut

kehilangan tempat tinggal dan terpaksa menetap di pondok milik sepupunya.

Katanya, Aminah yang menghidapi kanser tahap dua turut diberikan bantuan segera termasuk bantuan Rumah Prihatin bagi memastikan kelangsungan hidupnya.

“Kita dapat Aminah akan bermalam di pondok itu dan pada siang hari dia berteduh di

bawah pokok berdekatan pondok itu.

“Kerajaan negeri akan menyegerakan proses permohonan Rumah Prihatin untuknya di atas tanah miliknya bersebelahan pondok itu.

“Buat sementara warga emas ini akan menetap semestinya pondok itu sebelum bantuan perumahan itu siap kelak,” katanya.

## Produk inovasi APO guna minyak masak terpakai

Liana Sahabudin

**DURIAN TUNGGAL** – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) membangunkan produk inovasi iaitu Alternatif Plastik Organik (APO) berdasarkan minyak masak terpakai.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim berkata, produk dicipta sekumpulan penyelidik universiti berkenaan memberi manfaat kepada sektor perindustrian dan komuniti masyarakat dunia.

Beliau berkata, produk inovasi itu jauh lebih baik dibandingkan dengan produk plastik sedia ada yang dihasilkan daripada polimer berasal daripada minyak petroleum mentah yang sangat toksik serta berbahaya.

“APO direka cipta bagi menjaga kelestarian dan ekosistem alam sekitar dengan penggunaan semula minyak masak terpakai.

“Produk ini juga mampu menjadi alternatif kepada filamen pencekatan 3D yang menggunakan bahan berbezera,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UTeM, Dr Mohd Hafidzal Mohd Hanafi berkata, produk



KUMPULAN penyelidik produk inovasi APO menerima pingat kemenangan semasa penyertaan pertandingan inovasi pada 2019.

itu dapat mengurangkan kesan sisa minyak terhadap saliran air yang menyebabkan pencemaran permukaan air serta gangguan bekalan oksigen terhadap hidupan akuatik.

“APO berfungsi yang mana minyak masak terpakai akan dicampurkan bersama bahan organik dan

juga penghablur untuk menjadikan produk bersifat seperti plastik.

“Bahan digunakan adalah bahan organik minyak masak terpakai yang dirawat dan digunakan semula menggunakan konsep kitar semula,” katanya.

APO dihasilkan sekumpulan

penyelidik diketuai Mohd Hafidzal bersama empat pensyarah FKM iaitu Nurul Hanim Razak, Ts Dr. Asriana Ibrahim, Dr. Nur Izyan Zulkafli dan Prof Madya Ir. Ts. Dr Mohd Rizal Alkahari.

Turut terbabit, dua pensyarah dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP) iaitu Dr. Ridhwan Jumaidin dan Dr. Mohd Taufik Taib serta empat penuntut FKM iaitu Nurul Aina Syafiqah Shahrum, Farah Farzana Adrizal, Anis Ainaa Omar dan Nurul Afwanisa Ab Razak.

Pada masa sama, UTeM akan berkolaborasi dengan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) di samping memperluaskannya dalam sektor industri percetakan 3D.

Penyelidikan produk inovasi APO bermula pada 2013 sehingga kini menerusi geran Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) dari UTeM dan geran FRGS dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) manakala proses penyelidikan untuk meningkatkan keupayaan dan potensi produk ini terus giat dijalankan.

APO pernah memenangi pingat emas dalam Apprentice Innovation & Research Exhibition (AIREX) 2020, empat pingat perak dalam Karnival Inovasi UTeMEX 2020, International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2020

Selain Ekspo Maya Rekacipta dan Pameran Penyelidikan (EREKA) 2020 dan Anugerah Hijau Melaka 2019.

# Menara Taming Sari jangka beroperasi bulan depan

Liana Sahabudin

**BANDARAYA MELAKA** - Menara Taming Sari (MTS) menawarkan potongan harga sebanyak 50 peratus buat anak Melaka selepas dijangka memulakan pengoperasiannya bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif MTS, Azlan Abidin berkata, manakala tawaran itu turut diberikan kepada pengunjung luar Melaka sebanyak 10 peratus.

"Kita akan sambung pakej ditawarkan MTS sebelum ini untuk menarik semula pelancong ke Melaka."

"Terdapat juga hadiah televisyen 55 inci bagi pengunjung cabutan bertuah yang menggunakan perkhidmatan MTS," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Jelasnya, pihak MTS turut menyasarkan seramai 500,000 pengunjung akan menaiki menara tersebut selepas kembali beroperasi.

"Operasi MTS tutup Julai 2020 lalu dan sasaran kita tahun 2021 seramai 500,000 pengunjung dengan mengambil kira faktor pandemik COVID-19 yang melanda negara."

"MTS merekodkan kira-kira 50 peratus kerugian sejak Julai tahun lepas, bila tidak boleh rentas negeri memang kita terkesan kerana 80 peratus adalah pelancong tempatan dan 20 peratus pelancong luar," katanya.



MTS menawarkan potongan harga sebanyak 50 peratus buat anak Melaka selepas dijangka akan memulakan pengoperasiannya pada bulan depan.

## LOKAL

Kursus Latihan Usahawan Atas Talian & Usahawan Digital

## Institut Tun Perak anjur kursus secara percuma

**AYER KEROH** - Institut Tun Perak (ITP) mengajak orang ramai untuk mendaftar Kursus Keusahawanan Atas Talian dan Kursus Keusahawanan Digital yang diadakan secara percuma pada 18 hingga 19 Februari depan.

Ketua Pegawai Eksekutif ITP, Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif berkata, pengjuran kursus tersebut merupakan salah satu daripada 40 'touch points' utama Belanjawan 2021 Negeri Melaka.

"Ia bagi membantu rakyat Melaka khususnya mereka yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan dan keusahawanan digital."

"Kursus ini percuma dan terhad, di-beri keutamaan kepada rakyat Negeri Melaka, mereka yang menetap di Melaka atau yang beralamat di Melaka sahaja.

"Namun, pihak pengajar akan membuka penyertaan kepada peserta bukan rakyat Melaka sekiranya terdapat kekosongan," katanya.

Kursus itu turut mendapat kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Malaysia Digital Economic Corporation (MDEC).

Bagi peserta yang ingin mendaftar boleh menggunakan link disediakan di <https://forms.gle/WQrxWqGbHtyFtq66>.

**KURSUS LATIHAN USAHAWAN ATAS TALIAN & USAHAWAN DIGITAL**

TARIKH: 18 & 19 FEBRUARI (KHAMIS & JUMAAT)  
MASA: 8.00 PAGI – 5.30 PETANG

**PERCUMA!**

**SCAN ME**

**INSTITUT TUN PERAK**  
INSTITUT TUN PERAK  
MEMARTABAT NINDIA MENGEASAH TEZA SAKYAT

DENGAN KERJASAMA:

INSKEN MDEC

AMIRUL RAMLI amirulramli1990@melakaharlini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI aufaizzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI amirulramli1990@melakaharlini.my

SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR Khalidah@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN liyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA ABU BAKAR mimieazura1981@melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI mk7.zul@melakaharlini.my

PENGURUS MUHAMMAD HAMZI ROSMANI amz@melakaharlini.my 018-3299336

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGIKLANAN NAQIB TAJUDIN naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF IZAIDA RAIHANAH IDRIS Izraihanah36@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR Khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA ASHALIA YUSOF ashaliayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN MOHAMAD FARIS HAikal farishalkal.zarkaria@melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO RABIAH OSMAN osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA ISMAIL IBRAHIM dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI aufaizzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI amirulramli1990@melakaharlini.my

# Demi ibu...

**Din Ahmad**

PANTAI KUNDOR – "Saya terlupa saya ada penyakit tiga serangkai semasa berlari menyelamatkan ibu daripada terperangkap dalam kebakaran," kata Mazitah Bedul, 54.

Wanita itu berkata, beliau bagaikan mendapat kekuatan luar biasa ketika

darah tinggi dan kencing manis semasa berlari masuk ke dalam rumah emak untuk membawanya keluar dari rumah yang sedang dijilat api," kata Mazitah Bedul, 54.

"Saya seakan-akan tidak ada masalah lemah jantung,



MAZITAH

bergegas menyelamatkan ibunya, Fatimah Othman, 82, yang uzur daripada terperangkap dalam kebakaran yang memusnahkan rumah ibunya, baru-baru ini.

Mazitah berkata, beliau tidak menyedari pada hikmatnya beliau menghidap penyakit 'tiga serangkai' semasa memeluk Fatimah sebelum membawa warga emas itu keluar dari rumah yang dijilat api.

Dalam kejadian itu, Mazitah yang menghadapi masalah kesihatan, terpaksa melupakan penyakit berkenaan semata-mata untuk memastikan ibunya dan dua cicit lelaki berusia lima dan sembilan tahun diselamatkan daripada menjadi mangsa.



MAZITAH meninjau keadaan rumah ibunya yang terbakar di Kampung Pantai Kundor, Tanjung Kling, baru-baru ini.

Beliau berkata, ketika kejadian beliau menonton televisyen dan terdengar letupan kayu terbakar dari luar rumah dan apabila menjengah di pintu hadapan, dia amat terkejut melihat dapur rumah ibunya yang hanya kira-kira empat meter dari rumahnya, dijilat api.

"Saya menghadapi masalah untuk berjalan tetapi apabila terlihat api semakin marak, saya seakan-akan boleh berlari masuk ke dalam rumah dan memeluk ibu untuk membawanya keluar.

"Dalam masa yang sama abang saya, Zazali, 58, yang tinggal tidak jauh dari rumah kami, datang membawa dua cicit ibu saya keluar," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di Kampung Pantai Kundor, Tanjung Kling, di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hassan yang menziarahi mangsa berkata, beliau membiayai perbelanjaan mendapatkan

pakaian untuk mangsa, selain menyampaikan sumbangan wang tunai.

Selain itu, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) membantu mendapatkan rumah sewa untuk mangsa dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan keperluan makanan, katanya.

Beliau berkata, usaha sedang dijalankan bagi membolehkan mangsa menerima sumbangan Tabung Bencana Alam Kerajaan Negeri Melaka.



NOR Azman (dua kiri) turun padang bagi melihat sendiri keadaan rumah ibu Mazitah yang terbakar.

**RESIDENSI**  
**Bukit Katil**

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka

**Projek PR1MA**  
Harga Jualan  
Bermula RM 184,000


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :  
**06 - 286 5120**  
Isrin hingga Jumaat ( 9:00 pagi - 5:00 petang )  
E-mel: wiramagr@gmail.com

**Kemudahan**

- Surau
- Gimnasio
- Tadka
- Tadka
- Taman Permainan
- Dewan Komuniti
- BMN Dobi

**Pelan Lantai**

Jenis A (Tengah) : 1,000 sqm (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A2 (Hujung) : 1,000 sqm (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)
Jenis A1 (Tengah) : 1,000 sqm (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A3 (Hujung) : 1,000 sqm (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)



## NIKMATI GAYA HIDUP LENGKAP DAN KONDUSIF SERTA PERSEKITARAN LESTARI

Residensi @ BUKIT KATIL merupakan sebuah nadi pembangunan baru di Bukit Katil, Melaka yang dilengkapi pelbagai fasiliti serba moden dalam persekitaran kondusif dan terletak di lokasi yang strategik. Residensi ini juga behampiran pelbagai prasarana membangun seperti sekolah, hospital dan pusat komersial

# Lampu berbentuk COVID-19 hanya kebetulan - Shadan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**AYER KEROH** – Lampu dengan reka bentuk unik di bulatan Seri Negeri, Ayer Keroh, mencetus reaksi yang pelbagai daripada orang ramai, baru-baru ini.

Apa tidaknya, reka bentuk lampu yang kelihatan seolah-olah zarah virus COVID-19 itu menjadikan lokasi berkenaan menjadi sebutan ramai.

Ada yang memuji usaha pengindahan itu kerana menyifatkan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) mengikut perkembangan semasa namun tidak kurang juga ada yang mengecam kerana keroncongnya mendakwa negeri ini mahu mempromosikan pandemik yang masih menular di negara ini.

**“**Kita tak rancang lampu itu akan jadi seperti itu tetapi kebetulan reka bentuknya jadi seakan-akan virus COVID-19 sehingga orang memanggilnya ‘lampu COVID’**”**



SHADAN

Begitupun, Yang Dipertua MPHTJ Datuk Shadan Othman tampil memberi penjelasan bahawa lampu berkenaan sememangnya berada dalam perancangan pengindahan yang dijalankan pihaknya, namun reka bentuknya hanyalah satu kebetulan menyerupai zarah virus COVID-19.

“Kita tak rancang lampu itu akan jadi seperti itu tetapi kebetulan reka bentuknya jadi seakan-akan virus COVID-19 sehingga orang memanggilnya ‘lampu COVID’.

“Ingin saya jelaskan, kita bukan mahu mempromosikan COVID-19, niat asal kita ialah untuk mengindahkan kawasan Ayer Keroh kerana kawasan ini ialah kawasan tumpuan pelancongan dan pintu masuk pelancong ke Melaka.

“Atas nasihat dan saranan kerajaan negeri, kita tampil melakukan kerja-kerja pengindahan sekarang

kerana kita tidak mahu orang kata semasa waktu COVID-19 kita duduk diam sahaja. Jadi sebab itulah kita manfaatkan masa yang ada agar kita dapat bersedia menerima kehadiran pelancong apabila wabak ini berakhir,” katanya dihubungi Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Shadan berkata, kos keseluruhan yang diperuntukkan untuk mengindahkan kawasan Hang Tuah Jaya ialah sekitar RM200,000.

Ujarnya, ia merangkumi kawasan selepas Plaza Tol Ayer Keroh sehingga ke Lebuh Ayer Keroh.

“Seperti anda dapat lihat di Lebuh Ayer Keroh iaitu di jejantas berhadapan Melaka Mall sudah ada satu papan tanda terbaharu ‘Allah Peliharakan Negeriku’ yang bercahaya di waktu malam.

“Selain itu, di beberapa kawasan lain juga sudah dipasang lampu pelbagai bentuk dan selepas ini kita juga akan mengindahkan bulatan MITC. Semua itu anda akan dapat lihat pada awal Februari nanti.

“Tidak dinafikan ada juga suara-suara nakal yang mempertikai kenapa perlu membazir pada waktu-waktu sukar ini, tapi perlu saya jelaskan proses pengindahan ini bukanlah pembaziran, sebaliknya ia memang sudah digazetkan pada 2020 lagi,” ujarnya.



LAMPU berbentuk zarah virus COVID-19 mencuri perhatian di bulatan Seri Negeri, Ayer Keroh. Foto: MR. AZLI

## Ibu bapa sokong usaha memantapkan kembali TV Pendidikan

KPM meningkatkan kerjasama dengan beberapa lagi stesen televisyen bagi menambah tempoh masa rancangan TV Pendidikan sekali gus memastikan akses atau jurang pendidikan tidak melebar dalam kalangan masyarakat.

Bagi pekerja kerajaan, Mohd Zulfikri Lukman, 35, berkata, inisiatif memperluas rancangan TV Pendidikan amat wajar dan boleh membantu ibu bapa yang bekerja untuk menentukan anak-anak dapat terus belajar di rumah.

“Saya menyokong penuh usaha Kementerian memperkasa TV Pendidikan ini kerana pengisinya memang membantu anak-anak untuk belajar secara santai di rumah.

Ia termasuk cadangan

“Sebagai contoh untuk calon UPSR pembelajaran subjek Bahasa Melayu (Penulisan) diterangkan lengkap dengan contoh pendahuluan, isi kandungan serta penutup sama seperti dalam kelas dan mudah difaham.

“Sebelum ini pihak sekolah menggunakan kaedah PdPR secara atas talian, namun ada kekangan misalkan akses Internet yang tidak stabil sekali gus menjadikan ia sukar,” katanya yang mempunyai anak berusia lapan tahun.

Pekerja swasta, Irwan Khamis, 37, pula berkata, walaupun belajar di rumah menerusi saluran TV Pendidikan, namun pihak sekolah dan

guru sentiasa membantu anaknya yang berada di tahun dua dan tiga.

“Saya lega apabila melihat anak-anak rajin belajar melalui TV Pendidikan. Guru mereka juga sentiasa menghubungi untuk mengetahui perkembangan pembelajaran anak-anak selain membekalkan latihan bagi semua subjek.

“Cuma sebagai ibu bapa kita kena pantau juga pelajaran mereka (anak) agar tidak hilang fokus ketika mengikuti PdPR di rumah,” katanya.

TV Pendidikan mula bersiaran di televisyen konvensional pada 1972 sebelum ditukar kepada kaedah secara dalam talian melalui Edu

webTV pada 1 Mac 2008 dan dihentikan siaran disaluran televisyen konvensional bermula 1 Januari 2009.

Namun, KPM mewujudkan semula TV Pendidikan pada 6 April 2020 selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 pada 18 Mac 2020 dengan bersiaran di Okey TV selama dua jam sehari dari Isnin hingga Ahad bermula jam sembilan pagi hingga 1.55 petang dan Astro Tutor (empat jam di saluran 601 dan 603).

Rancangan pendidikan itu kini diperluas ke saluran NTV7 dan bersiaran tiga jam sehari, Isnin hingga Jumaat bermula sembilan pagi hingga 12 tengah hari.



Izzul Rizqin Mohd Zulfikri, 8, mengikuti sesi PdPR dengan menonton rancangan TV Pendidikan.

**AYER KEROH** – Ibu bapa di negeri ini menyambut baik usaha Kementerian Pendidikan (KPM) untuk menambah baik rancangan Televisyen Pendidikan (TV Pendidikan)

bagi menyokong kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Ia termasuk cadangan

# MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (**Surah Al-A'la, ayat 14-15**)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (**Surah Al-Baqarah, ayat 155**)

## NGO Saudara Muslim bantu agih bantuan kit makanan

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**MELAKA TENGAH** - Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam bagi Saudara Muslim memainkan peranan besar membantu menyampaikan bantuan kit makanan kepada sebahagian besar saudara muslim di negeri ini.

Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ini, peranan mereka menjadi tunjang kepada penyampaian maklumat dan bantuan sewajarnya dalam kalangan saudara muslim.

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Bilik Gerakan Covid-19 Agenzia Agama Islam telah menyediakan lebih 500 kit makanan untuk diagihkan kepada asnaf mualaf di seluruh negeri ini.

Peranan NGO Islam Saudara Muslim ini juga mampu menjadi mata dan telinga kepada MAIM membantu mereka yang memerlukan terutama pada ketika ramai terjejas pendapatan berikutnya penularan wabak Covid-19 ini.

“Tanggungjawab mereka bukan sahaja membantu golongan mualaf ini dari segi barang keperluan harian namun sahsiah diri dan dakwah bilhal tetap dititikberat bagi memastikan mereka ini kekal istiqamah dalam hidayah Islam.”

NGO Islam Saudara Muslim yang aktif dan sentiasa membantu dari sudut bantuan makanan dan dakwah islamiah antaranya Badan Kebajikan Persaudaraan Islam Negeri Melaka (BAKPIS), Persatuan Tiong Hua Muslim Melaka (PERTIM) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

Turut aktif Persatuan Dayak Muslim Melaka (PDMM), Persatuan Anak-Anak Sabah Melaka (PASMA) serta Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA).

Juga NGO Islam yang berperanan besar, Hidayah Centre Foundation (HCF) dan

Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM).

Tanggungjawab mereka bukan sahaja membantu golongan mualaf ini dari segi barang keperluan harian namun sahsiah diri dan dakwah bilhal tetap dititikberat bagi memastikan mereka ini kekal istiqamah dalam hidayah Islam.

Dengan bantuan kit makanan yang disediakan ini, ia mampu meninggalkan kesan positif kepada masyarakat iaitu menyuburkan amalan tolong-menolong dan menghapus sifat bakhil, sekali gus berupaya membentuk sifat mahmudah.



ANTARA NGO Islam Saudara Muslim hadir mengagihkan bantuan kit makanan.



MUFTI Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil menyampaikan kit makanan kepada salah satu NGO Islam Saudara Muslim.

**MAKLUMAN**

**BILIK GERAKAN COVID-19  
AGENSI AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA**

**13hb - 26hb JANUARI 2021**

**NO. HOTLINE MAIM :**  
**06- 283 7416/06-284 9809/06-283 2077**  
**SAMBUNGAN : EXT 156**

**WAKTU OPERASI :**  
**09.30AM - 4.30PM (ISNIN - AHAD)**

**TERUS DUDUK RUMAH DAN  
PATUHI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bersama Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM menyelusuri perkhabaran sebahagian asnaf yang menghidap sakit terlantar di DUN Bukit Katil dan DUN Ayer Molek. Beliau turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan kit makanan bagi meringankan beban keluarga mereka.

JABATAN Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah menyerahkan sumbangan RM 20,000.00 kepada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan 13 agensi agama Islam yang lain bagi tujuan disalurkan kepada Tabung Mus'aadah Covid-19 setiap agensi berkenaan. Majlis penyampaian ringkas berkenaan yang diadakan secara maya telah disempurnakan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.



PRIHATIN...Bantuan kit makanan dan wang tunai disampaikan oleh Pegawai Agihan Zakat MAIM Cawangan Jasin, Norazam Ismail kepada sebahagian asnaf yang terjejas pendapatan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 di negeri ini.

## JOM BERWAKAF

“Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat”

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah**, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya



# Janji Allah itu pasti

Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.



dan mendapat ganjaran pahala yang berganda serta rezeki yang melimpah-ruah adalah melaksanakan ibadah zakat, harta yang diperolehi akan bertambah berkat dan subur seterusnya dapat dikongsi bersama-sama mereka yang memerlukan. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah ayat 261:

Yang bermaksud: "Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah S.W.T, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah S.W.T akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah S.W.T Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya."

Justeru itu, sebagai umat Islam yang mengaku dirinya beriman dan ingin mendapatkan keberkatan dan keredaan Allah SWT serta syafaat daripada Rasullullah SAW di akhirat nanti, maka marilah kita bersama-sama menuaikan kewajipan Zakat Harta ini

PADA tahun ini negara Malaysia bahkan seluruh dunia diuji dengan penyakit berjangkit iaitu penularan pandemik COVID-19. Allah SWT menguji hamba-Nya supaya mengingati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Setiap apa yang berlaku ada hikmah disebaliknya supaya hamba-Nya bersabar dan tabah menghadapinya.

Janji Allah SWT itu pasti jika hamba-Nya sentiasa mentaati perintah-Nya dengan beriman dan bertaqwa atas segala ibadah yang dilaksanakan semata-mata mendapatkan keredaan daripada Allah SWT. Antara aspek ibadah yang menjaga kemaslahatan ummah

"Antara aspek ibadah yang menjaga kemaslahatan ummah dan mendapat ganjaran pahala yang berganda serta rezeki yang melimpah-ruah adalah melaksanakan ibadah zakat, harta yang diperolehi akan bertambah berkat dan subur seterusnya dapat dikongsi bersama-sama mereka yang memerlukan. "

dengan penuh keikhlasan kerana Allah SWT. In Sya Allah. Mudah-mudahan hidup kita semasa di dunia ini akan dikurniakan kebahagiaan hidup dan selamat di dunia serta di akhirat nanti.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian **1-300-88-0233** di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp **011-58583885** untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
: Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
– (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

## ZAKAT ZAKAT PENDAPATAN

Kaedah 1



**KADAR ZAKAT  
2.5%**

### CONTOH PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN

#### ✓ KAEDAH 1 : TANPA PENOLAKAN

2.5% atas jumlah pendapatan kasar setahun

PENDAPATAN

- i. Gaji sebulan RM 4,000.00 x 12 bulan : = RM 48,000.00
- ii. Elaun sebulan RM 250.00 x 12 bulan : = RM 3,000.00

JUMLAH PENDAPATAN :

$$\text{Kadar Zakat Yang Dikenakan : } \text{RM } 51,000.00 \times 2.5\% \text{ setahun} \\ = \text{RM } 1,275.00 \text{ (Setahun)} \\ = \text{RM } 106.25 \text{ (Sebulan)}$$

**NISAB ZAKAT  
TAHUN 2020  
RM 15,767.73**



**KIRA ➤ SEMAK ➤ DAFTAR ➤ BAYAR**

1-300-88-0233

[www.izakat.com](http://www.izakat.com)

Zakat Melaka

[zakat.melaka](https://zakat.melaka)

Zakat Melaka



## ZAKAT ZAKAT PENDAPATAN

Kaedah 2



**KADAR ZAKAT  
2.5%**

### CONTOH PENGIRAAN ZAKAT PENDAPATAN

#### ✓ KAEDAH 2

Pendapatan setahun ditolak dengan keperluan hidup (asas) setahun

##### A. PENDAPATAN

- i. Gaji sebulan RM 4,000.00 x 12 bulan : = RM 48,000.00
- ii. Elaun sebulan RM 250.00 x 12 bulan : = RM 3,000.00

JUMLAH PENDAPATAN :

$$= RM 48,000.00 \\ = RM 3,000.00 \\ = RM 51,000.00$$

##### B. PERBELANJAAN (Ditolak)

- i. Diri sendiri - RM 8,000.00 (setahun) = RM 8,000.00
- ii. Isteri - RM 5,000.00 (setahun) = RM 5,000.00
- iii. Anak - RM 1,000.00 seorang (2 Orang x RM 1,000.00) = RM 2,000.00 (rangungan suami)
- iv. Sumbangan Ibu Bapa (setahun) = RM 1,200.00
- v. KWSP / LTAT (11%) (setahun) = RM 5,610.00
- vi. Takaful (setahun) = -
- vii. Lembaga Tabung Haji (setahun) = -

JUMLAH PERBELANJAAN

$$= RM 8,000.00 \\ = RM 5,000.00 \\ = RM 2,000.00 \\ = RM 1,200.00 \\ = RM 5,610.00 \\ = - \\ = - \\ = RM 21,810.00$$

##### C. JUMLAH YANG LAYAK DIZAKAT (A-B)

Kadar Zakat Yang Dikenakan :  
RM 29,190.00 x 2.5% setahun  
RM 729.75 / 12 bulan

$$= RM 29,190.00 \\ (\text{Melebihi Kadar Nisab}) \\ = RM 729.75 \text{ (Setahun)} \\ = RM 60.81 \text{ (Sebulan)}$$

**NISAB ZAKAT  
TAHUN 2020  
RM 15,767.73**

**KIRA  
➤ SEMAK  
➤ DAFTAR  
➤ BAYAR**



Sila Imbas

[www.izakat.com](http://www.izakat.com)

**Hanya 2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)



*"Bersih Jiwu Suci Harto"*



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyatuni asnaf di sekitar daerah Jasin dan menyampaikan kit makanan dan wang tunai bagi meringankan beban mereka sepanjang tempoh PKP 2.0 ini.



# ZAKAT Online



## Cara-cara Pembayaran Zakat Dalam Talian



SILA LAYARI LAMAN WEB  
[WWW.IZAKAT.COM](http://www.izakat.com)



KLIK BAYARAN ZAKAT DALAM TALIAN  
"BAYAR ZAKAT"



ISIKAN JUMLAH ZAKAT & KLIK  
"BAYAR SEKARANG"



ISIKAN MAKLUMAT DIRI & KLIK  
"BAYAR SEKARANG"



TERUSKAN TRANSAKSI ANDA DENGAN  
MEMILIH KAEDAH PEMBAYARAN

Sila layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) untuk pembayaran zakat secara dalam talian (online) atau imbas QR Code di sebelah.



**KETUA Pegawai Eksekutif (CEO) Zakat Melaka, Datuk Ibrahim Fadzil menyampaikan sumbangan katil kepada sebahagian asnaf di negeri ini. Sumbangan katil berkenaan merupakan kerjasama antara Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) bagi membantu mereka yang memerlukan khususnya golongan asnaf yang menghidap sakit terlantar dan kronik.**



## Apakah Hikmah Berwakaf (Siri 2)

### • Mengukuhkan perpaduan ummah

"Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab sekanya (bagi seseiap yang melanggar perintahNya)"

(Surah al-Maidah (5):2)

• Harta benda yang diwakafkan tetap utuh terpelihara, terjamin kelangsungannya dan tidak bisa hilang atau berpindah tangan. Kerana secara prinsip barang wakaf tidak boleh ditasarrufkan (dijual, dihibahkan, atau diwariskan)



# SMART A+

**SOALAN LATIHAN &  
TEKNIK MENJAWAB SPM  
SUBJEK : SEJARAH**

"JOM SERTAI KELAS TUISYEN 2021  
BERSAMA KIBGIM" /n "Hubungi Kami :  
011-15116270 / 019-2886270".

## PENTAKSIRAN SEJARAH SPM 2020

### ISI

## KRITERIA KARANGAN CEMERLANG

KRITERIA	KETERANGAN
IDEA RELEVAN DENGAN TUGASAN	ISI TEPAT DENGAN KEHENDAK SOALAN
PENGOLAHAN MENARIK	
➤ Pengenalan baik ( Sesuai dengan tajuk )	PENGENALAN MENARIK DAN SESUAI DENGAN TAJUK
➤ Kaedah deduktif diaplikasi setiap isi@perenggan	SETIAP AYAT DITULIS DAN AYAT HURAIAN MANTAP DAN BERKEMBANG
➤ Penutup sempurna	TERDAPAT BEBERAPA AYAT CADANGAN ADAN AYAT HARAPAN
BAHASA MENARIK :-	
➤ Ayat pelbagai	APABILA KAEADAH DEDUKTIF DIGUNAKAN AYAT ANDA AKAN PELBAGAI
➤ Frasa menarik banyak	TERDAPAT SEKURANG-KURANGNYA TIGA PRIBAHASA, KATA-KATA HIKMAH, ATAU KATA-KATA PEMIMPIN, AYAT AL-QURAN DLL
➤ Istilah menarik banyak	TERDAPAT ISTILAH TERKINI SEPERTI IMPLEMENTASI, KOMPROMI, KONDUSIF DLL
EJAAN DAN TANDA BACA BAIK	TIADA KESALAHAN ATAU SEDIKIT

## PENDAHULUAN

### 1. Pendahuluan (anggaran 70 patah perkataan)

Pendahuluan = PU/DEFINISI + AH + AC + AA

### 2. Penyataan Umum (PU) / DEFINISI

- Terdiri daripada satu ayat sahaja.
- Ditulis berdasarkan tajuk.

### 3. Ayat Huraian (AH) - Terdiri daripada satu hingga tiga ayat.

- ❖ AH1 : Senario / perkembangan isu yang dibincangkan pada masa ini.
- ❖ AH2 : Faktor / Kepentingan / Kesan kepada individu / keluarga / masyarakat / negara (bergantung kepada dimensi soalan).
- ❖ AH3 : Kesinambungan daripada ayat huraian 2 dan boleh menggunakan formula 5W 1H 1I / MASSBBD (Mengapa, Apa, Siapa, Sekiranya, Bagaimana, Bila, Di mana)

### 4. Ayat Contoh (AC)

- Anda boleh memberikan satu atau melebihi satu contoh.
- Pastikan contoh yang diberi sesuai dan relevan dengan keadaan dan bertepatan dengan kehendak soalan.

### 5. Ayat Arah (AA)

- Menyatakan pendirian anda sama ada bersetuju atau tidak dengan soalan secara umum.
- Perlu menyatakan fokus arahan yang diberikan.
- Anda boleh menulis dalam bentuk ayat pernyata atau ayat tanya bergantung kepada kreativiti anda.

### 6. Peringatan:

- I. Baca arahan dengan teliti dan gariskan kata kunci dan fokus arahan.
- II. **Jangan sekali-kali memasukkan isi** dalam perenggan pendahuluan.
- III. Tidak perlu menyatakan isi utama dalam ayat arah.

### 1. Isi (anggaran 80 patah perkataan)

Isi = AT + AH + AC + AP

### 2. Ayat Topik (AT)

- Terdiri daripada satu ayat sahaja dan mestilah ringkas, padat dan jelas.
- Ditulis pada permulaan ayat.
- Menjadi pencetus idea untuk pengembangan ayat seterusnya.

### 3. Ayat Huraian (AH)

- Terdiri daripada satu hingga lima ayat.
- Dihuraikan secara mendalam menggunakan formula 5W 1H 1I / MASSBBD (Mengapa, Apa, Siapa, Sekiranya, Bagaimana, Bila, Di mana)
- Setiap ayat huraian mestilah menunjukkan kesinambungan dengan cara menggunakan penanda wacana yang sesuai.

### 4. Ayat Contoh (AC)

- ❖ Anda boleh memberikan sekurang-kurangnya satu contoh.
- ❖ Pastikan contoh yang diberi sesuai dan relevan dengan keadaan dan bertepatan dengan kehendak soalan.
- ❖ Kedudukan AC boleh di mana-mana sahaja tetapi mestilah sebelum AP.

### 5. Ayat Penegas (AP)

- Merupakan ayat kesimpulan kecil bagi setiap isi.
- AP menegaskan semula AT dengan menggunakan ayat berbeza tetapi masih mengekalkan maksud yang sama dengan AT.

### 6. Peringatan :

- i. Setiap isi mestilah ditulis dalam satu perenggan sahaja.
- ii. **Tidak boleh menggabungkan dua isi** dalam satu perenggan.
- iii. **Tidak boleh menulis satu isi dalam beberapa perenggan** (dikira sebagai mengulang isi).

## PENUTUP

### 1. Penutup (anggaran 70 patah perkataan)

Penutup = AK + AC + AH

### 2. Ayat Kesimpulan (AK)

- Terdiri daripada satu hingga dua ayat .
- Merumuskan keseluruhan karangan.
- Tidak menyenaraikan isi yang telah ditulis dalam perenggan isi (dikira salah).

### 3. Ayat Cadangan (AC)

- Terdiri daripada satu hingga dua ayat.
- Memberi cadangan yang relevan dan mengaitkan dimensi dengan fokus arahan yang diberikan.
- Tidak memerlukan huraian panjang.

### 4. Ayat Harapan (AH)

- Menyatakan harapan sekiranya cadangan yang diberikan dalam AC diguna pakai dalam usaha menangani isu yang dibincangkan.
- Menggunakan kata hubung agar / supaya / demi untuk menyambungkan AC dengan AC.
- Kaitkan dengan dasar-dasar negara.

### 5. Peringatan :

- Jangan memasukkan isi dalam kesimpulan.
- Perenggan kesimpulan haruslah seimbang dengan perenggan pendahuluan.
- Mesti memasukkan ayat cadangan dan harapan.

# COVID-19: Masa tepat kerajaan-hospital swasta berganding bahu

**Shanika Abdullatif**

**PERUNTUKAN RM100 juta bagi meningkatkan kerjasama antara kerajaan dan hospital swasta seperti diumumkan dalam Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) seolah memberi 'nyawa' kedua buat benteng utama negara dalam menangani pandemik COVID-19.**

Biarpun jumlah insentif yang diperuntukan itu mungkin 'jauh' daripada angka yang diperlukan, namun komitmen yang merentasi aspek keuntungan itu diyakini berupaya meringankan bebanan sektor kesihatan awam yang semakin tenat, akibat peningkatan besar kes baharu koronavirus maut ini.

Bukan sahaja sanggup menerima rujukan pertukaran dan merawat pesakit bukan COVID-19 dari hospital kerajaan ke hospital swasta, malah komitmen beberapa buah hospital swasta seperti yang diumumkan oleh Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) sudah pastinya melegakan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Sehingga 25 Januari 2021, terdapat 210 hospital swasta berlesen, di mana 129 hospital swasta menawarkan perkhidmatan pesakit dalam (inpatient) bagi bidang Perubatan Dalaman (internal medicine). Daripada jumlah tersebut, 96 hospital swasta telah bersetuju untuk menyediakan rawatan COVID-19 di mana jumlah katil setakat ini adalah 1,252 katil, 65 katil ICU, dan 54 mesin ventilator.

## BERKONGSI BEBAN

Menganggap sudah tiba masanya 'berkongsi tanggungjawab' untuk mengurangkan beban petugas barisan hadapan kesihatan kerajaan yang saban hari 'berperang' untuk melandaikan lengkungan kes positif COVID-19, presiden dan pengarah urusan KPJ Healthcare Bhd, Ahmad Shahizam Mohd Shariff, percaya ia perkara paling terbaik dilakukan memandangkan keadaan sekarang amat genting.

"KPJ memandang positif keputusan kerajaan ini dan bersedia melakukan persiapan di hospital kami untuk menerima pemindahan pesakit bukan COVID-19 daripada hospital kerajaan."

"Kami faham dan bersedia berganding bahu memandangkan situasi tersebut dijangkakan apabila keadaan di hospital kerajaan semakin mendesak dengan kebanjiran pesakit COVID-19," katanya yang dihubungi Bernama baru-baru ini.

Malah Ahmad Shahizam berpendapat, gabungan tersebut dilihat amat perlu supaya masyarakat dapat kembali kepada kehidupan yang sihat dan selamat.

Tidak menolak akan ada pihak yang akan mempertikaikan mengapa perlu insentif tersebut diberikan memandangkan hospital swasta mempunyai platform menjana pendapatan tersendiri, Ahmad Shahizam menegaskan, kini bukan masanya untuk mengaut keuntungan semata-mata kerana isu utama di sini adalah tanggungjawab kemanusiaan sejagat.

"Kami secara bertanggungjawab cuba mengimbangi kedua-duanya, malah kami sedia memainkan peranan demi keperluan negara. Ini kerana kami sedia maklum den-



gan kapasiti kemampuan kewangan pesakit hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang disenarai pilih untuk dipindah rawat ke hospital swasta.

## BUKAN MENGAUT KEUNTUNGAN

"Jadi, keuntungan yang mungkin berhasil daripada transaksi ini dijangka adalah minimum dan bergantung kepada perjanjian kerjasama antara KKM dengan pihak hospital swasta," jelas Ahmad Shahizam.

Untuk itu, pihaknya akan bekerjasama dalam mengenal pasti pesakit yang layak untuk dirujuk dan dipindah rawat ke hospital swasta.

Pelbagai aspek klinikal akan diberikan keutamaan, contohnya, tahap kritis pesakit untuk mendapatkan rawatan atau membuat prosedur serta tahap kestabilan pesakit untuk dipindah rawat.

Mengulas mengenai tahap kesiapsiaaan, beliau menjelaskan KPJ mempunyai kapasiti yang diperlukan untuk menghadapi sebarang kemungkinan termasuklah kemudahan 'pengasingan' (isolation) di wad dan Unit Rawatan Rapi (ICU).

Selain wad khas, bantuan lain termasuk peralatan hospital, kepakaran klinikal seperti doktor pakar, jururawat terlatih serta tenaga pakar dan ini dilihat memberi kelebihan untuk menguruskan pesakit COVID-19 di fasiliti mereka.

"Dengan semua kemudahan ini, kami mampu memberi komitmen dalam membantu pihak KKM dan bersedia menerima pesakit yang didapati positif COVID-19 tahap 1 hingga 2. Dalam masa yang sama, kami akan terus mempertingkatkan kesiapsiagaan keselamatan klinikal di hospital kami," katanya.

## TAMBAH KELENGKAPAN, KEPAKARAN

Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Pantai Kuala Lumpur (PHKL), Erica Lam, (she) turut senada malah melihat insentif PERMAI yang diumumkan itu sangat membantu me-

dan juga sumber manusia. Sama seperti perniagaan lain, kami juga terjejas teruk dengan pengurangan pesakit ke hospital kami. Malah industri pelancongan kesihatan juga terjejas teruk apabila negara kita mengehadkan bilangan pesakit dari luar negara," katanya.

Beliau menegaskan, keadaan itu bagaimanapun tidak menghalang pihaknya untuk bekerja keras bagi menanggung kos penyelenggaraan yang semakin meningkat, menyediakan kelengkapan saringan dan sanitasi untuk memastikan semua pesakit dan pelawat yang datang ke PHKL dapat menerima rawatan dalam suasana yang selamat.

## PASUKAN KHAS BANTU PANTAU PESAKIT

Menurut Erica, PHKL turut menujuhkan pasukan khas yang dipanggil Pasukan Penilaian COVID-19 di Rumah (Home Assessment Team) atau CHAT untuk memantau setiap hari pesakit kategori 1 dan 2 yang mendapatkan rawatan di fasiliti mereka, menerusi panggilan telefon.

Di samping menyedia serta menyelenggarakan sebuah wad khas yang dilengkapi peralatan bantuan pernafasan untuk menerima pesakit COVID-19, PHKL juga turut menyediakan satu ambulans khas untuk pesakit COVID-19 supaya pesakit bukan COVID-19 berasa lebih yakin untuk terus datang ke PHKL untuk mendapatkan rawatan.

"Bagi kes bukan berkaitan COVID-19 juga, PHKL dengan hati terbuka akan membantu hospital kerajaan dalam menangani kes perubatan yang tertangguh sebagai sebahagian daripada usahasama antara hospital kerajaan dan hospital swasta. Kes-kes yang memerlukan rawatan lanjut seperti jantung dan kanser adalah kes yang boleh dirujukkan ke PHKL.

"Jadi, menerusi usahasama seperti ini, hospital kerajaan mempunyai kapasiti lebih besar untuk menangani kes lebih berat seperti COVID-19," jelasnya. - BERNAMA





PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

**EARLY** Tanjong Malay life is understated. The Bahasa Melayu newspapers then provided a window to the dynamics of her cultural and intellectual expressions.

The early Pulau Pinang periodicals were all described as Jawi Peranakan-led editorials and publishing initiatives. The first newspaper in Pulau Pinang was *Tanjong Penegeri*, which appeared in 1894. It has a twice a week frequency. The newspaper stopped publication the year after. The name *Tanjong Penegeri* was thought to be a corruption of Tanjung Penaga, the space and place that occupied the geographical cape – its name plundered as George Town.

*Tanjong Penegeri* was succeeded by *Pemimpin Warta* (1895-7) and *Lengkongan Bulan* (1900 – 1). All were hand-lithographed, four-paged folio newspaper, with not much local news and comment. In March 1900, the first printed (as distinct from lithographed) Pulau Pinang newspaper began in the weekly *Bintang Timor*. It failed after 30 issues and was replaced shortly thereafter by *Chahaya Pulau Pinang*, which ran for eight and a half years, until March 1908.

Tanjong society in the first quarter of the 20th century was much aroused by the affairs of the declining Ottoman Empire. *Chahaya Pulau Pinang* provided regular reportage on Turkey and what was then called the Middle East, often translating portions from Egyptian and other foreign newspapers. The periodical was particularly illustrative of the changing interests and styles in Bahasa Melayu journalism and its consumption. Its

# *Khabar from Tanjong: Bahasa Melayu Newspapers in Early Pulau Pinang*



SWETTENHAM Pier and George Town, 1970

only competitor was the Singapore-based *Utusan Melayu* of 1907. *Utusan* was part of the *Singapore Free Press*.

A news weekly appeared in *Idaran Zaman* in 1925, purveying news and comment with Islamic reformist interests. Its editor was Mohd. Yunus bin Abdul Hamid from Sumatra. In September the year after, Pulau Pi-

Imam (1906-08) fame. Historian William R. Roff through several of his Malay periodical bibliographic studies (1961,1971) tells us that though *Al-Ikhwan*, was also a social and even a political campaigner. The subjects and issues covered were diverse – from the emancipation of women, and the provision of more English education for Malays, partici-

prised school teachers, religious teachers, the better educated in the civil service, merchants and philanthropists, were among the active segment of the population. And there were also journalists and writers.

As writers, contributors, correspondents, critics, editors, and consumers of the enterprise of journalism, they were influential in

ical to publish original fiction – the Malay *cerpen* (for *cerita pendek*). The Malay short story flourished.

The Malays of Pulau Pinang have been instrumental in the development of Bahasa Melayu journalism in Singapore. Apart from 'importing' its first Jawi Peranakan editor from Tanjong, the initiative of Paspam, a monthly periodical, inspired the Singapura-branch of the monthly *Suara Pena* in 1938.

Tanjong Malay society was largely engaged in educating itself, self-strengthening, in drawing the morals from events, and in seizing and improving the moment. Tanjung was urban. Literacy was high. In words of Roff, "there was time and a little money to spare. And electricity to see at night." These therefore created an audience, who asked to be entertained.

Social life in Tanjung saw an audience with the rise in the entertainment content of otherwise sober journals. *Al-Ikhwan*, with its 'Rokambul' detective stories. Under Sayyid Shaykh, short stories and serial novels began to appear more frequently.

The new literacy saw humorous sketches and versions of the traditional Pa' Pandir Tales, riddles and jokes, columns, episodes of the *Thousand and One Nights*, and light weight "popular knowledge" articles on anything from the art of the conjuror to the history of ballooning. *Al-Ikhwan* provided what we would call "a good read" to Tanjung society.

**“Tanjong society in the first quarter of the 20th century was much aroused by the affairs of the declining Ottoman Empire. Chahaya Pulau Pinang provided regular reportage on Turkey and what was then called the Middle East, often translating portions from Egyptian and other foreign newspapers. The periodical was particularly illustrative of the changing interests and styles in Bahasa Melayu journalism and its consumption.”**

nang had a new monthly – religious in outlook. This was *Al-Ikhwan*, under the editorship of Sayyid Shaykh b. Ahmad al-Hadi of Al-

pating fully in all the controversies of the time and "breaking lances with everybody from its fellow periodicals to the state religious authorities"

*Al-Ikhwan* was joined in 1928 by the weekly *Saudara*. These were the two publications from Sayyid Shaykh's Jelutong Press. The Press played an important role in revitalizing Malay society of Tanjung.

*Saudara*, (Brother; Friend; Comrade, The Brethren) began as a weekly from 29 September 1928 until January 1932; thereafter twice-weekly until it ended sometime in 1941. Sayyid Shaykh exercised considerable editorial influence over it until his death in 1934. Like *Al-Imam*, *Saudara*'s aim was the introduction of religious reforms among the domiciled Muslims and of propagating Islam. It believes in peace and freedom of thought.

Tanjong, that area which is the geographical cape; as well as stretching to Air Itam, has a high concentration of Malay intellectuals and intelligentsia, especially before World War II. These group mainly com-

society. This group, which produced *Panduan Guru* in 1922, was regarded as the forerunner of the Seremban-based *Majallah Guru* in 1924. The periodical, perhaps equivalent to the American New Yorker, or the Atlantic, or closer to home *Dewan Masyarakat*, was to become one of the most influential Malay journals of opinion and comment before the Second World War.

The monthly was published under the auspices of the combined Malay Teachers' Associations of Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, and Melaka (joined later by those of Kelantan, Pahang and Singapura). Its editor Muhammad B. Dato' Muda (1924-1932) from Bukit Mertajam, has a close interest to Bahasa Melayu journalism. This column has also benefitted largely from his records and holdings, *Tarikh Surat Khabar* (Bukit Mertajam, 1940). *Majallah Guru*, besides publishing educational articles, commented regularly on public affairs, and nurtured a whole generation of Malay writers. It was the first Malay period-

NEXT WEEK:  
**Jawi Peranakan**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



ADVERTISEMENTS on the front page of *Idaran Zaman*, 11 August 1927.  
Image courtesy of Perpustakaan Hamzah Sendut Microforms Collection, Universiti Sains Malaysia.

# JAKOA tidak pinggir nasib Orang Asli Bukit Sedanan

**MACHAP JAYA** – Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Melaka tidak boleh sewenang-wenangnya membina kemudahan kekal termasuk bekalan air terawat dan elektrik di dalam di kawasan yang telah diwartakan sebagai Tanah Rizab Hutan.

Pegawai Kemajuan Orang Asli Negeri Melaka Adzrien Ab Rahim berkata, kekangan itu termasuklah membangunkan kemudahan di

penempatan sementara orang asli yang tidak diwartakan sebagaimana di 14 penempatan rasmi Orang Asli di Melaka.

“Dalam kes di penempatan sementara Orang Asli di Hutan Simpan Bukit Sedanan ini, ia asalnya adalah kawasan rayau tradisi mereka yang berasal daripada Kampung Orang Asli Kubang Badak, Selandar berhampiran.

“Awalnya mereka hanya bercucuk tanam di sini, tapi lama kelamaan mereka sudah mula membina pondok sehingga terus menjadikan kawasan penempatan enam buah rumah,” katanya ketika ditemui media di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, di Melaka sahaja, JAKOA bertanggungjawab terhadap 14 buah kampung Orang Asli iaitu masing-masing lapan dan

enam di daerah Alor Gajah dan Jasin.

“Semua perkampungan ini mempunyai rumah yang lengkap dengan kemudahan elektrik dan air bersih malah kita menjaga semua aspek kebajikan mereka terutamanya dari sudut pendidikan selain ekonomi.

“Namun bagi kes di Orang Asli di Hutan Simpan Bukit Sedanan ini, kita juga masih menjaga kebajikan mereka dan masih memujuk mereka supaya berpindah ke perkampungan yang telah diwartakan bagi memudahkan agihan bantuan kerajaan,” katanya.

Terdahulu, seramai 15 penduduk Orang Asli berkenaan menerima kunjungan daripada Barisan Nasional dan UMNO dikeetu Pegawai Perhubungan UMNO Melaka, Datuk Mohd Yusof Abu Hassan.

Turut sama adalah Penyelaras Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Japerun) Machap Jaya Datuk Rospandi Leman, Pegawai Kemajuan JAKOA Melaka, Adzrien Ab Rahim dan wakil dan wakil dari pada Jabatan Perhutanan Melaka.

Mengulas lanjut, Adzrien berkata pihaknya juga kini sedang sedang dalam proses melengkapkan dokumentasi untuk mendapatkan permit penggunaan tanah daripada

“Saya yakin, Pengerusi BN Melaka (Datuk Seri Ab Rauf Yusoh) juga akan mengangkat isu rakyat ini untuk diberi perhatian terutamanya dalam aspek pendidikan anak-anak Orang Asli Melaka ini,” katanya. ”

Jabatan Perhutanan.

“Permit ini adalah untuk kebenaran secara rasmi daripada Jabatan Perhutanan untuk Orang Asli di sini menjalankan aktiviti pertanian dan lain-lain aktiviti di hutan simpan berkenaan tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan undang-undang.

“Ini juga membuktikan kita tidak pernah meminggirkan nasib mana-mana masyarakat Orang Asli di negara ini,” katanya.

Sementara itu Mohd Yusof berkata, UMNO dan BN Melaka akan membawa perkara itu ke peringkat kerajaan negeri untuk melihat keperluan dan bantuan segera yang boleh diberikan.

“Saya yakin, Pengerusi BN Melaka (Datuk Seri Ab Rauf Yusoh) juga akan mengangkat isu rakyat ini untuk diberi perhatian terutamanya dalam aspek pendidikan anak-anak Orang Asli Melaka ini,” katanya.



JAKOA tidak meminggirkan nasib Orang Asli Bukit Sedanan.

## Empat generasi tiada bekalan air dan elektrik

**HIDUP** di dalam pondok yang tiada bekalan elektrik dan hanya bergantung kepada anak sungai serta perigi sebagai sumber minuman selama empat generasi.

Itu nasib dialami 15 penduduk Orang Asli suku Temuan di penempatan sementara Hutan Simpan Bukit Sedanan, Selandar di sini yang mendakwa berasa terpinggir apabila masih tiada kemudahan asas sejak 50 tahun lalu.

Tepong Rudang, 48, berkata, dia adalah generasi keempat menetap di pondok di dalam hutan simpan itu bermula dengan moyang, datuk dan ayahnya sehingga penempatan itu kini mempunyai enam pondok didiami enam keluarga membabitkan 15 penduduk berusia antara 11 bulan hingga 60-an.

“Selama itu, kami tidak

pernah mendapat bekalan elektrik dan air bersih sebaliknya hanya bergantung pada air di anak sungai atau perigi pada musim kemarau.

“Bukan tidak pernah kami cuba memohon bekalan asas itu daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), tapi sudah lebih 10 kali permohonan yang dibuat sejak 1990-an itu tidak mendapat kelulusan.

“Hendak cakap banyak pun kami tak tahu kerana rata-rata penduduk di sini yang bekerja hutan dan menoreh getah dengan pendapatan RM600 atau RM400 sebulan tidak tahu membaca,” katanya ketika ditemui media.

Perasaan sama dikongsi Legeh Kudang, 46, yang masih mengharap pihak berkuasa dapat mempercepatkan penyediaan kemudahan asas di penempatan terbabit.

Bagi Alice Tepong, 24, dia hanya memikirkan masa depan dua anaknya masing-masing berusia 8 tahun dan 11 bulan terutamanya anak sulung yang masih belum mendaftar persekolahan sehingga kini.

“Hendak sekolah pun jauh dan terpaksa jalan kaki hampir dua kilometer melalui jalan tanah merah tidak beratur menuju ke jalan besar.

“Tambahan pula, dalam keadaan musim pandemik COVID-19 sekarang, pembelajaran bergantung sepenuhnya pada peranti elektronik untuk kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

“Usah kata internet dan peranti, elektrik yang menjadi bekalan asas kehidupan sehari-hari pun tiada di sini macamna anak-anak hendak belajar,” katanya.



MOHD YUSOF (empat dari kiri) menyantuni masyarakat Orang Asli di Hutan Simpan Bukit Sedanan, Selandar yang tiada kemudahan asas air dan elektrik sejak 50 tahun lalu.



**ADY Irwan dan isterinya memajak tanah kakaknya seluas kira-kira 0.1 hektar di Kampung Paya Lebar, Lubok Cina, Masjid Tanah untuk memulakan pembinaan para diperbuat daripada besi 'T Section.'**

**Din Ahmad**

**BUKAN semua usahawan Bumi-putera tertewas dengan pandemik COVID-19 sejak ia melanda negara pada Mac tahun lalu, sebaliknya ada yang berjaya bangkit menempuh cabaran.**

Oleh sebab menghadapi kesukaran untuk meneruskan operasi perniagaan dalam sektor perkhidmatan penyediaan barang hadiah dan cenderahati, sepasang suami isteri bertindak nekad beralih ke sektor penanaman cili besar melalui kaedah fertigasi di atas para.

Ady Irwan Samsuddin, 36, dan Norhidayah Naim, 33, bertindak berani melabur tidak kurang RM40,000 untuk merealisasikan impian menjadi usahawan tani yang berjaya dalam penghasilan cili besar.

Ady Irwan berkata, berdasarkan bimbingan beberapa rakan yang sudah menempa kejayaan dalam sektor itu, beliau dan isteri memajak tanah kakaknya seluas kira-kira 0.1 hektar di Kampung Paya Lebar, Lubok Cina, Masjid Tanah untuk memulakan pembinaan para diperbuat daripada besi 'T Section.'

naan para diperbuat daripada besi 'T Section.'

"Besi itu memerlukan kos tinggi tetapi berbaloi kerana ia tidak mudah berkarat dan tidak perlu diselenggara untuk jangka panjang berbanding jika menggunakan besi konvensional.

"Para setinggi satu meter mampu mengelakkan serangan babi hutan atau serangga dalam tanah dan buat permulaan kami mengusahakan cili besar dalam 1,800 beg poli," katanya ketika ditemui di kebunnya baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, sistem pengepaman air dari tangki ke beg poli mengikut waktu ditetapkan, mampu memastikan sabut dalam beg poli sentiasa basah, sekali gus membolehkan benih tanaman itu membesar.

Katanya, kaedah penanaman di atas para dipilih kerana ia memudahkan usaha memetik cili besar yang dijangka dalam tempoh dua bulan lagi berbanding kaedah penanaman di atas tanah.

"Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan perniagaan kami terjejas tetapi kami tidak mudah putus semangat, sebaliknya

kami memanfaatkan segala sumber yang ada untuk memulakan projek penanaman cili besar," katanya.

Sementara itu, Norhidayah menjelaskan dia dan suami bernasib baik kerana membuat simpanan sepanjang operasi perniagaan barangan hadiah sebelum ini dan ia dimanfaatkan ketika perniagaan menghadapi cabaran hebat akibat pandemik COVID-19.

"Kami berharap projek ini berjaya dan mampu memberikan peluang pekerjaan sampingan kepada penduduk sekitar kawasan ini untuk membantu kami memetik cili kelak.

"Walaupun memerlukan kos tinggi, kami memberanikan diri menempuh cabaran kerana sektor penghasilan cili besar tidak pernah menghadapi masalah pemasaran dan jika ada pun, mungkin disebabkan lebihan penawaran," katanya.

Sehubungan itu mereka bercadang mendapatkan bantuan suntikan modal daripada agensi kerajaan atau institusi kewangan bagi mengembangkan industri penanaman cili besar pada masa hadapan.



**ADY Irwan dan Norhidayah melabur RM40,000 memajukan industri penanaman cili besar secara fertigasi di kebunnya di Kampung Paya Lebar, Lubok Cina, Masjid Tanah.**

## Permintaan gajet teknologi meningkat empat kali ganda



**SHOPEE** telah mencatat permintaan yang memberangsangkan untuk gajet teknologi pembelajaran dan bekerja dari rumah dalam tempoh 11-15 Januari, bertepatan dengan penguatkuasaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dengan lebih 550,000 unit terjual.

Pengarah Urusan Serantau Ian Ho berkata platform e-dagang itu menyedari penjualan item seperti komputer riba, telefon pintar, tablet, komponen rangkaian, papan kekunci, pencetak dan sistem audio melonjak empat setengah kali ganda dalam tempoh lima hari itu berbanding tempoh yang sama semasa PKP pertama tahun lepas.

"Sejak sesi pembelajaran dalam talian bermula pada pertengahan tahun 2020, kami melihat gajet teknologi pengguna yang sesuai untuk pembelajaran di rumah atau bekerja dari rumah amat laris. Permintaan untuk PC dan gajet untuk e-pembelajaran meningkat secara mendadak.

"Semasa Jualan Hebat 12.12 pada 12 Dis, 2020, kami dapat lapan daripada 10 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia yang terbaik adalah peruncit elektronik yang mencatatkan penjualan purata melebihi RM800,000 setiap satu," kata beliau kepada Bernama baru-baru ini.

Ian berkata ibu bapa yang mempunyai lebih daripada seorang anak di sekolah untuk sesi e-pembelajaran boleh mendapatkan tawaran secara bundle atau "addon" mengikut jenama dan peruncit di platform masing-masing bagi menikmati lebih banyak penjimatan.

"Terdapat juga penjual semula yang boleh dipercayai di platform kami yang menjual komputer riba terpakai dan diperbaharui dengan harga bermula dari RM325 sekiranya ibu bapa memerlukan lebih daripada satu komputer riba untuk anak-anak mereka dan mempunyai sumber yang terhad," tambahnya.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) Danny Lee berkata pertubuhan itu menyaksikan permintaan untuk gajet teknologi meningkat dari masa ke semasa kerana keperluan untuk penggunaan peranti itu di rumah kian mendesak sejak bermulanya fasa bekerja dari rumah dan sesi pembelajaran dalam talian.

"Kerajaan juga mungkin mempertimbang untuk menawarkan bentuk insentif lain bagi meng-

galakkan lagi penggunaan dan pembelian produk teknologi seperti penepian Cukai Jualan dan Perkhidmatan, internet percuma, subsidi atau bahkan melaksanakan program 1 komputer riba 1 keluarga," kata beliau.

Lee menambah terdapat beberapa jenama di pasaran yang menawarkan potongan harga untuk komputer riba dan komputer meja, terutama dalam tempoh ini ketika tahun persekolahan baru bermulai.

"Pada masa sama, syarikat telekomunikasi juga menawarkan promosi hebat dalam pakej internet sejak beberapa bulan ini dan mereka akan terus berbuat demikian. Penawaran data 1GB percuma juga diperluas," tambahnya.

Sementara itu, YTL Foundation mengumumkan telah mengerang lebih 400,000 kad sim dan 100,000 telefon bimbit ke seluruh negara sepanjang inisiatif 'Belajar Dari Rumah' yang baru-baru dilancarkan.

Pengarah program Datin Kathleen Chew berkata inisiatif itu menawarkan 1,272 pelajaran selaras dengan kurikulum yang dikembangkan oleh FrogAsia dengan kerjasama penyedia kandungan.

"Pelajar yang menggunakan platform 'Belajar dari Rumah' juga dapat mengakses lebih 13,500 kuiz semakan yang merangkumi kandungan pembelajaran yang sama melalui aplikasi permainan mudah alih FrogPlay," katanya.- BERNAMA

- "Pada masa sama, syarikat telekomunikasi juga menawarkan promosi hebat dalam pakej internet sejak beberapa bulan ini dan mereka akan terus berbuat demikian. Penawaran data 1GB percuma juga diperluas," tambahnya.



**PANTAI**  
HOSPITAL  
Ayer Keroh

**NAMA** : Dr Fabian Chong Tien Fook.  
**ASAL** : Melaka.  
**PENDIDIKAN** : SK St Francis, SMK St Francis Ijazah Sarjana Muda Kedoktoran (Universiti Malaya) Ijazah Sarjana Kedoktoran dalam bidang Ortopedik (UKM).

**PENGALAMAN PERKHIDMATAN :**

1. Hospital Seremban (2003 - 2005)
2. Jabatan Kesihatan Daerah Alor Gajah (2005-2007).
3. Hospital Melaka (2008 - 2020).
4. Mula berkhidmat di Hospital Pantai sebagai Perunding Pakar Bedah Ortopedik (Januari 2021).

**Farah Suhaidah Othman**

**PEMBEDAHAN** tulang belakang, pilihan atau kemestian? Itu adalah antara persoalan yang bermain dalam fikiran sekiranya pesakit mula mengalami ketidakselesaan pada tulang belakang terutama bagi individu yang sudah berusia atau bagi individu yang mengalami kecederaan akibat kematangan.

Berkhidmat selama 17 tahun dalam perkhidmatan awam sebagai pegawai perubatan dan pakar perubatan ortopedik, Dr Fabian Chong Tien Fook berkata pelbagai faktor perlu dipertimbangkan sebelum seorang pesakit perlu menjalani pembedahan tulang.

Menyifatkan pembedahan (bagi pesakit yang mengalami ketidakselesaan pada tulang belakang) adalah satu pilihan, beliau berkata sebagai doktor pakar perunding bedah ortopedik, beliau sering mengingatkan pesakit bahawa setiap pembedahan tulang adalah pembedahan ‘major’ dan ia mempunyai risiko tertentu bergantung kepada jenis dan faktor sakit tulang dihadapi oleh pesakit.

“Sebagai contoh, sekiranya pesakit mengalami ‘slip disc’ atau tulang rawan terkeluar daripada saraf, pesakit mempunyai pilihan untuk menjalani pembedahan kerana apabila pesakit yang mendapatkan rawatan sudah lumpuh namun masih boleh berjalan, kaedah yang akan diberikan adalah mengamalkan pengambilan ubat tahan sakit atau diberikan suntikan serta menjalani fisioterapi bagi mengawal kesakitan sekiranya pesakit tidak mahu menjalani pembedahan,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di Hospital Pantai, di sini.

Berkongsi pengalaman ketika perkhidmatan terakhirnya dalam perkhidmatan awam sebelum berkhidmat sebagai Perunding Pakar Bedah Ortopedik Hospital Pantai sebulan lalu, Dr Fabian berkata, seorang wanita warga Vietnam mengalami kecederaan Quadriplegia, yang mana ke-

## Merawat kecederaan tulang belakang

# 20 peratus kewajipan doktor, 80 peratus usaha pesakit



**DR Fabian** ketika menunjukkan struktur tulang belakang serta menerangkan setiap pembedahan tulang adalah pembedahan ‘major’ dan ia mempunyai risiko tertentu bergantung kepada jenis dan faktor sakit tulang dihadapi oleh pesakit.

cederaan itu berlaku pada tulang di bahagian Cervical (C) 5 hingga C6 termasuk kecederaan di bahagian saraf tunjang yang mengawal pernafasannya akibat jatuh dari tempat tinggi.

Ujarnya, apabila pemeriksaan dijalankan, didapati sendi tulang antara C5 dan C6 terkehel (*subluxation*), iaitu kedua-dua sendi itu lari daripada lokasi asal sehingga menyebabkan tulang berkenaan terkena saraf tunjang yang mengawal pernafasan.

“Pembedahan dilakukan dengan masukkan besi ke dalam tulang belakang pesakit berkenaan agar sendi tersebut stabil, justeru memastikan saraf berkenaan boleh sembuh.

“Jadi, ketika berkhidmat di hospital kerajaan, doktor memberikan tempoh sehingga sembilan bulan untuk pulih termasuk memastikan pesakit membuat rawatan susulan seperti menjalani rehabilitasi.

“Pesakit wanita warga asing itu yang dulunya terbaring akibat kecederaan tulang, kini mampu menggerakkan tangan dan kakinya dalam tempoh setahun selepas dibantah rakan-rakan serumahnya untuk melakukan fisioterapi.

“Bagi saya secara peribadinya, kecederaan dialami pesakit dalam senario seumpama ini adalah 80 peratus bergantung kepada usaha pesakit untuk pulih termasuk menjalani rehabilitasi dan fisioterapi mana-

kala selebihnya adalah bantuan doktor untuk memastikan pembedahan berjaya dilaksanakan,” katanya.

Dr Fabian turut berkongsi pengalaman mengenai pesakit lelaki yang berusia lingkungan usia 30-an mengalami kecederaan tulang belakang lumbar yang terhimpit dan termampat (*compress*) akibat terjatuh dari tempat tinggi ketika kematangan.

“Jika situasi itu berlaku kepada pesakit warga emas 60 tahun ke atas, pembedahan adalah pilihan kerana kecederaan itu dikategorikan ‘Osteoporotic fractures’, yang mana tulang sudah lembut dan memberikan risiko tinggi kepada pesakit sekiranya mempunyai penyakit kronik yang lain.

“Bagi pesakit yang masih muda, sekiranya melibatkan saraf putus atau terhemput, pembedahan perlu dijalankan dalam tempoh 24 hingga 48 jam bagi “melegakan” saraf (*decompression*) yang terhimpit supaya ia bernafas kembali, jika dibiarkan tanpa pembedahan saraf berkenaan boleh kekal mati sekali gus menyebabkan pesakit mengalami kecederaan saraf kekal,” katanya.

Menurutnya, bagi sesetengah pesakit yang mengalami tulang patah di bahagian tengkuk, pesakit boleh mengalami ‘Quadriplegia’ atau disebut juga ‘Tetraplegia’, keadaan di mana saraf yang mengawal tangan dan kaki akan menyebabkan keempat-empat anggota itu lumpuh.

Jelasnya, bagi pesakit yang mengalami situasi kecederaan apabila saraf menekan separuh atau satu perempat saraf tunjang berkenaan, pesakit mungkin mengalami Quadraplegia tidak lengkap sekiranya masih boleh melakukan pergerakan sama ada tangan atau kaki.

“Namun bagi pesakit yang tidak bersifat baik, kita lihat menerusi pembedahan dan mendapati pesakit berkenaan mengalami ‘transected cord’ atau saraf tunjang putus, maka agak sukar untuk kembali pulih meskipun pembedahan dilakukan dengan secepat mungkin,” katanya.

Dr Fabian berkata, seorang lelaki warga emas berusia 60 tahun yang mengalami sindrom ‘Cauda equina’ di mana kecederaan yang dialami menyebabkan Paraplegia atau lumpuh separa badan serta tidak mampu mengawal air kencing.

Katanya, dalam kes seumpama itu, doktor ortopedik menjalankan pembedahan dengan “decompression” dan menstabilkan tulang belakang dengan memasang skru. Justeru, saraf yang berkenaan boleh kembali pulih dengan keadaan tulang belakang yang stabil.

“Pesakit seumpama ini terutamanya bagi yang turut mengalami masalah kesihatan lain seperti kencing manis dan darah tinggi memerlukan tempoh proses rehabilitasi yang panjang termasuk melakukan latihan pernafasan dan fisioterapi,” katanya.

# Sempena Bulan Kesedaran Tiroid: Apakah anda perlu tahu?



DR. SHANKAR GUNARASA



BULAN Januari adalah bulan kesedaran tiroid dan sempena dengan itu, saya menggunakan kesempatan ini berbincang sedikit sebanyak tentang kelenjar tiroid dan masalahnya. Diharapkan para pembaca mendapat sedikit pencerahan tentang masalah tiroid ini.

Kelenjar tiroid adalah kelenjar hormon berbentuk rama-rama yang terletak di leher kita. Berlainan pula dengan beguk, pembengkakan kelenjar tiroid terletak di depan leher kita.

Kelenjar tiroid ini berfungsi menghasilkan hormon thyroxine yang berfungsi menjaga metabolisme badan dan juga fungsi tumbesaran badan kita. Terdapat 2 jenis hormon tiroid iaitu thyroxine (T4) dan triiodothyronine (T3), masing-masing mewakili 99.9% dan 0.1% hormon tiroid. Selepas hormon ini di rembeskan ke dalam sistem badan, jumlah T4 yang banyak akan ditukarkan kepada T3, yang merupakan hormon yang paling aktif daripada segi biologi dalam memberi kesan metabolisme ke atas sel-sel badan.

Hyperthyroidism dan hypothyroidism adalah dua masalah kesihatan sering dikaitkan dengan gangguan hormon tiroid. Untuk pemahaman pembaca, hyperthyroidism atau bahasa mudahnya kelenjar terlebih aktif dan hypothyroidism pula adalah kelenjar kurang aktif. Gangguan hormone tiroid

ini boleh memberi kesan sampingan kepada tumbesaran badan, fungsi harian badan dan adakalanya memberi kesan sampingan kepada jantung, seperti seringkali jantung berdebar-debar. Ini disebabkan hormon tiroid yang berlebihan memberi kesan kepada fungsi jantung termasuk meningkatkan daya pengecutan otot dan kadar denyutan jantung.

**Apakah gejala-gejala untuk simptom ini? Gejala simptom hyperthyroidism (kelenjar aktif) adalah seperti berikut**


- Tangan mengeletar (tremor) dan berpeluh.
- Rasa gementar.
- Degupan jantung yang laju.
- Mudah berpeluh dan panas walaupun di hari yang sejuk.
- Berat badan menurun
- Cepat marah

**Gejala simptom hypothyroidism (kelenjar kurang aktif) adalah seperti berikut**

- Letih lesu.
- Sukar untuk menumpukan perhatian dan tahap pemikiran yang lembab.
- Sembelit.
- Sentiasa berasa sejuk.
- Pendarahan haid yang banyak dan lama bagi wanita.

Diet yang sihat untuk hipertiroidisme dilakukan dengan memakan makanan tinggi kalium (brokoli, badam, ikan, okra); makanan yang tinggi vitamin D (sardin, minyak ikan kod, salmon, tuna, dan cendawan); Makanan tinggi magnesium (coklat gelap, badam, kacang, biji); dan makanan yang mengandungi selenium (cendawan, beras perang, tembikai, sardin).

Di samping itu, kelenjar tiroid ini boleh mempunyai pembengkakan yang juga boleh menyebabkan sesuatu pesakit itu menjadi hy-




NODUL tiroid yang memerlukan pembedahan

perthyroidism, hypothyroidism dan juga euthyroid (tahap hormon yang normal). Oleh itu jika seseorang pesakit itu datang dengan ketidak-stabilan hormon ini, perlu menjalani ultrasound tiroid. Ujian darah hormon tiroid. Ada dua jenis pembengkakan di kelenjar tiroid, iaitu Goitre (kelenjar keseluruhan membesar dari biasa) dan nodul tiroid (tumbuhan biji di tiroid). Adakalanya bengkok atau nodul ini membesar sehingga menghimpit saluran makan oesophagus di leher, saluran pernafasan dan juga urat saraf yang menjaga nadi suara kita. Bila ini berlaku, pesakit akan merasa susah untuk menelan makanan yang pejal, seringkala sesak nafas dan suaranya akan berasa serak atau kasar.. Ada juga barah tiroid boleh timbul dari nodul-nodul ini. Barah tiroid adalah lebih banyak berlaku di kalangan wanita dewasa jika dibandingkan dengan lelaki ataupun remaja. Terdapat beberapa jenis barah tiroid dan ia bergantung kepada jenis sel barah itu bersifat.


Apakah rawatan yang sebaiknya untuk

masalah tiroid ini? Masalah tiroid ini boleh di rawat secara ubatan ataupun pembedahan. Bagi masalah hypothyroidism dan hyperthyroidism, ubatan untuk meningkatkan hormon tiroid dan juga mengurangkan rembasan hormon tiroid(anti-thyroid) akan di berikan. Rawatan secara pembedahan adalah perlu bagi masalah tiroid yang terdapat kemungkinan besar menjadi barah tiroid. Pembedahan juga boleh dijadikan sebagai rawatan jika goiter terlalu besar hingga menyebabkan gejala seperti kesukaran bernafas atau kesukaran untuk menelan. Pembedahan juga di lakukan untuk kes nodul tiroid yang menghasilkan hormon tiroid berlebihan yang tidak dapat dikawal dengan ubat-ubatan.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah dan rawatan tiroid ini, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**



Jenis-jenis barah tiroid



Ilustrasi kedudukan kelenjar tiroid pada tubuh manusia.

# "Letak RM1 juta pun saya tak akan jual"



**Mohamad Fazrul  
Abdul Majid**  
Foto: MR. Azli

**BIARPUN** ditawar harga jutaan ringgit sekalipun, Mohd Noordin Mohd Noor, 61, tidak akan sesekali menjual koleksi ribuan barang antik yang ada di rumahnya di Kampung Brisu, Alor Gajah.

Bapa kepada empat anak itu mengakui rasa sayang terhadap segala koleksi yang dimilikinya sejak usia muda itu membuatkan tidak pernah terfikir untuk menjual lebih 5,000 koleksi antik yang dikumpulnya sejak 16 tahun lalu.

Dia berkata, pernah suatu ketika, ada seorang pembeli datang ke rumah dan menawarkan harga belasan ribu ringgit untuk sebuah motosikal Honda C50 tahun 1958 tersimpan rapi di perkarangan rumah tersebut, namun tawaran tersebut terpaksa ditolak dengan baik.

"Motosikal Honda C50 buatan Jepun saya beli pada 2008 dengan harga RM800 di Meru, Klang. Saya beli sebab saya kumpul barang-barang lama. Masa itu saya tak pernah terfikir pun harga motosikal itu boleh menjangkau belasan ribu ringgit."

"Saya difahamkan motosikal itu mempunyai nilai yang tinggi kerana keseluruhan motosikal itu masih tulen dan tidak pernah diubah suai."

"Tetapi saya memang tidak akan menjual motosikal itu mahupun barang-barang antik yang lain di rumah ini. Letaklah RM1 juta sekali pun saya tidak akan jual," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

Noordin berkata, dia juga pernah berpesan kepada anak-anaknya agar tidak menjual koleksi tersebut meskipun dia dan isteri sudah tiada di dunia ini lagi.

Katanya, hal itu kerana dia mahu memastikan segala koleksi itu dapat menjadi tapatan anak cucunya serta generasi muda di

**MOHD NOORDIN** ketika membersihkan motosikal antik jenis Honda C50 yang juga merupakan sebahagian daripada koleksinya.

masa akan datang.

"Saya rasa anak-anak pun sudah faham betapa saya menyayangi koleksi antik yang ada di rumah ini. Jadi, saya berharap mereka tidak akan menjualnya di masa akan datang," ujarnya.

#### KOLEKSI DARI SELURUH NEGARA

Bercerita tentang minat mengumpul barang antik itu, Noordin mengakui pada awal pembabitannya, perkara itu hanyalah dilakukan sekadar suka-suka.

Katanya, ketika masih bekerja kilang di Shah Alam pada 2004, dia mula berjinjinak dengan hobi membeli dan mengumpul barang antik yang dibeli dari seluruh negara.

Setiap kali bercuti atau melancong di negeri-negeri lain, ujarnya, dia jarang pulang dengan tangan kosong dan ada sahaja pelbagai barang yang dianggap bernostalgia akan dibawa pulang.

"Pernah suatu ketika dahulu saya sekeluarga pergi ke Perlis untuk melancong. Di sana pelbagai barang antik dapat kami perolehi sehingga kami datang dengan sebuah kereta dan pulang dengan dua buah kereta Volvo."

"Dalam kereta ketika itu memang penuh dengan pelbagai jenis barang sehingga tiada tempat untuk anak-anak duduk. Dan ketika itu saya terlihat iklan di Mudah.my ada yang mahu menjual sebuah kereta Volvo lama."

"Tanpa berfikir panjang, saya belanjakan RM8,000 untuk membeli kereta itu dan bagi saya itulah pengalaman yang cukup unik," katanya.

Sehingga kini, dia mempunyai pelbagai koleksi barang antik, daripada kenderaan antik, televisyen, wang syiling lama sehingga pinggan mangkuk dan alatan-alatan tra-



**MOHD NOORDIN (kanan)** bersama isteri, Fauziah mencuba salah satu barang antik iaitu 'Gramophone' atau dikenali sebagai alat pemain piring hitam ketika ditemui di rumahnya di Kampung Brisu, Alor Gajah, baru-baru ini.

disional yang pernah digunakan nenek moyang kita di zaman dahulu kala.

Bagaimanapun Noordin menyifatkan dirinya masih belum puas dan masih mencari beberapa barang antik lama seperti mesin getah, kuwi (tempat simpan hasil tuaian padi), indik (lesung kaki) dan tempat membanting padi.

#### BAKAL DIJADIKAN RUMAH PELANCONGAN MELAKA

Keunikan yang ada di rumahnya itu telah menarik perhatian kerajaan negeri yang berhasrat menjadikan terataknya itu sebagai Rumah Pelancongan Melaka.

Noordin berkata, rumahnya telah dikunjungi Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, pihak Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dan wakil daripada Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) untuk membantu menaiktaraf kawasan itu sebagai lokasi tumpuan pelancongan ke negeri ini.

"Banyak perancangan telah diatur, antaranya kerajaan negeri berhasrat untuk menghulurkan bantuan bagi membantu menaiktaraf lagi imej rumah yang turut boleh berfungsi sebagai muzium ini."

"Malah, ada juga yang mahu menjadikan rumah ini sebagai tapak festival barang antik dan festival buah-buahan."

"Walaupun niat asal saya bukanlah untuk komersialkan rumah ini, namun, saya akan mempertimbangkan tawaran itu kerana pada akhirnya ia masih langkah yang baik bagi membolehkan masyarakat khususnya generasi muda tahu peninggalan barang yang pernah wujud suatu ketika dahulu," ujarnya.

#### INAP DESA DALAM KEBUN

Selain menyimpan pelbagai koleksi antik,

rumahnya yang diberi nama Teratak Seri Solok di tanah seluas 0.81 hektar itu turut dibangunkan sebuah inap desa yang bercirikan alam semulajadi dan dikelilingi kebun buah-buahan.

Dengan harga serendah RM50 untuk satu bilik, inap desa yang diusahakan Noordin bersama isteri, Fauziah Harun, 59 sering menjadi pilihan pengunjung dari Kuala Lumpur dan Selangor yang ingin lari dari hiruk-pikuk kota.

Fauziah berkata, di samping menginap, pengunjung yang datang ke situ juga dapat menikmati pelbagai aktiviti antaranya berbasikal di kampung, mandi-manda di kolam renang buatan, selain dapat menikmati buah-buahan yang terdapat di kebun jika tiba musimnya.

"Antara buah-buahan yang ditanam di kebun ini termasuklah pelbagai jenis durian, manggis, markisa dan rambutan, selain kita turut menanam lebih 70 tumbuhan herba yang telah dilabel untuk menambah pengetahuan mereka yang menginap di sini," katanya.

Fauziah berkata, walaupun inap desa itu baru sahaja beroperasi pada 2018, namun sambutan yang diterimanya menggalakkan terutama pada musim cuti.

"Walaupun kami tidak pernah membuat promosi tentang inap desa ini, namun alhamdulillah sambutan yang kami terima tidak putus-putus, terutamanya sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."

"Semuanya hasil promosi dari mulut ke mulut oleh pengunjung yang pernah menginap di sini."

"Malah, selepas tamat PKP nanti, kami sudah menerima banyak tempahan termasuklah tempahan penuh pada Hari Raya Aidilfitri, pada Mei depan," katanya.



**FAUZIAH**



**MOHD NOORDIN**

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**MELAKA** United Football Club (MUFC) mencadangkan semua stesen penyiar televisyen di negara ini diberikan hak penyiaran bagi perlawanan Liga Malaysia musim 2021 yang dijangka membuka tirai penghujung bulan depan.

Perkara itu antara yang disuarakan Ketua Pegawai Eksekutif MUFC, Datuk Mohd Saiful Mat Sapri ketika menghadiri Taklimat Terkini dan Perbincangan Prosedur Operasi Standard (SOP) Latihan dan Perlawanan Liga Malaysia Musim 2021 secara dalam talian, baru-baru ini.

Menurutnya, siaran perlawanan melalui televisyen adalah langkah yang penting sepanjang tempoh pandemik COVID-19 memandangkan kehadiran penonton ke stadium masih belum dibenarkan.

"Antara yang diutarakan termasuk mencadangkan MFL untuk mengadakan perbincangan dengan semua stesen penyiar televisyen di negara ini bagi hak penyiaran Liga Malaysia 2021.

"Siaran perlawanan di televisyen sangat penting bagi memastikan Liga Malaysia dapat kembali menarik tontonan terutama dalam kalangan penyokong bagi menyaksikan pasukan masing-masing beraksi pada ketika mereka masih tidak dibenarkan ke stadium berikutan kebimbangan penularan Pandemik COVID-19," katanya dalam satu kenyataan.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MFL Datuk Ghani Ab Hassan dan turut disertai Presiden MFL, Datuk Wira Hamidin Mohd Amin, wakil-wakil kelab Liga Malaysia serta rakan kongsi MFL.

Turut bersama mengikuti taklimat berkenaan bagi pihak MUFC ialah Pengurus Pasukan Mohamad Akram Abdullah dan Ketua Jurulatih Zainal Abidin Hassan.

## PSM tunggu jawapan KBS

**PERSATUAN** Sepak Takraw Malaysia (PSM) masih menunggu keputusan berhubung jaminan diberikan Kementerian Belia dan Sukan (KBS), untuk sukan sepak takraw kembali disenaraikan sebagai antara sukan teras di negara ini, kata Presidennya Datuk Seri Ahmad Ismail.

Beliau berkata jaminan diberikan Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican pada September lepas, disambut baik pemain sukan tradisional itu termasuk guru-guru di sekolah yang menerima tamparan, selepas sepak takraw dikeluarkan daripada senarai sukan teras negara pada 2017.

Jelasnya sejak dikeluar daripada senarai sukan teras, usaha memperkasa sukan berkenaan di peringkat akar umbi melalui Pusat Latihan Negeri (PLN) dan Pusat Latihan Daerah (PLD), tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan sekali gus memberi tekanan kepada pihak terlibat.

"Apabila sepak takraw tidak berada dalam senarai sukan teras, PLN dan PLD telah ditutup dan ia merupakan antara kilang-kilang yang melahirkan atlet sepak takraw negara sebelum ini. Kita takut satu hari nanti kita kekurangan bakat dalam sukan ini."

"Perkara ini juga satu tekanan kepada guru dan pihak sekolah, kerana mereka tiada bajet untuk menyertai kejohanan antarabangsa. Jadi, memang ramai guru mengalu-alukan jaminan diberikan menteri dan kita (PSM) terima maklum balas sangat positif, daripada mereka," katanya kepada Bernama, baru-baru ini.

Menurut Ahmad Ismail, kemajuan sukan sepak takraw negara bermula seawal di peringkat sekolah, dan tersenarainya kembali sukan rakyat itu sebagai antara sukan teras negara, mampu menjamin mutu serta kelestarian kualiti pasukan negara di persada dunia.

"Kalau lihat mutu permainan (pasukan negara) yang meningkat ketika ini adalah hasil daripada situ (sekolah), ia merupakan klinik yang melahirkan ramai pemain berbakat. Kalau betul kita nak tengok sukan sepak takraw negara boleh dibanggakan di persada dunia, maka ia wajib dimasukkan semula," katanya.

Malaysia menamatkan kemarau 24 tahun pingat emas temasya Sukan Asia, selepas trio negara di bawah bimbingan jurulatih Abdul Talib Ahmad, menewaskan Indonesia dalam acara antara regu pada edisi 2018 di Palembang.

Sementara itu, Ahmad Ismail mengakui keadaan semasa pandemik COVID-19 mungkin menjadi faktor kelewatan keputusan menyenaraikan kembali sukan itu, apabila beberapa mesyuarat berhubung perkara berkenna terpaksa dibatalkan.

"Malah kita sebenarnya menunggu mesyuarat jawatankuasa kerja bersama MSN (Majlis Sukan Negara) pada bulan depan, tetapi saya juga tidak pasti sama ada ia boleh dijalankan atau tidak. Tetapi apa yang pasti menteri akan mengotakkan jan-jinya, saya mempunyai keyakinan penuh terhadap beliau," jelasnya.

KBS sebelum ini memberi jaminan akan menimbang secara serius untuk menggalakkan sukan sepak takraw sebagai antara sukan teras negara, memandangkan sukan itu mempunyai tempat istimewa dalam kalangan rakyat dan hampir segenap masyarakat bermain sukan itu.

Sepak takraw bersama angkat berat dan taekwondo merupakan tiga sukan diugurkan MSN daripada senarai sukan teras negara pada 2017, berikutkan prestasi buruk serta tidak menunjukkan peningkatan berdasarkan semakan semula, termasuk kajian mendalam terhadap prestasi ketiga-tiga sukan itu sejak 2007.

Sebagai rekod, Program Sukan Teras bermula pada 2005 dengan tujuan menambah penyertaan atlet dalam lapan sukan yang disenaraikan ketika itu - olahraga, aquatik - renang dan terjun, boling, bola sepak, badminton, hoki, skuasy dan gimnastik.

Tiga tahun kemudian, MSN menambah 11 jenis sukan lagi - memanah, berbasikal, boling padang, karate, silat, menembak, sepak takraw, taekwondo, pelayaran, angkat berat serta wushu sekali gus menjadikan keseluruhan 19 sukan teras.

-BERNAMA

# Liga Malaysia 2021 MUFC cadang hak penyiaran untuk semua



MOHD Saiful (tengah) bersama Zainal (kiri) dan Mohamad Akram (kanan) menghadiri Taklimat Terkini dan Perbincangan Prosedur Operasi Standard (SOP) Latihan dan Perlawanan Liga Malaysia Musim 2021 secara dalam talian, baru-baru ini.

Foto Kredit FB MUFC

## Piala AFC Aksi menarik KDA FC, TFC di peringkat kumpulan

DUA wakil negara dalam saingan Piala Konfederasi Asia (AFC) Kedah Darul Aman FC (KDA FC) dan Terengganu FC (TFC) dijangka memberikan aksi menarik dalam saingan musim 2021 ini.

Berdasarkan undian dijalankan di AFC House baru-baru ini, naib juara Liga Super 2020 itu



diundi dalam kumpulan H bersama wakil dari Singapura Lion City Sailors dan wakil Vietnam Saigon FC serta pemenang

perlawanan play-off. Pasukan TFC pula diundi dalam kumpulan I bersama wakil dari Filipina Kaya FC-Iloilo, Shan United atau Ayeyawady United (Myanmar) dan Geylang Int (Singapore).

Juara 2019 Al-Ahed FC dari Lubnan pula diundi dalam kumpulan A bersama Al-Hidd (bahrain), Al Wahda (Syria) dan Al Nasr dari Oman.

Saingan peringkat kumpulan Piala AFC 2021 akan berlangsung di Zon Selatan, Tengah dan Timur pada 14 Mei sebelum Zon Barat bermula pada 23 Mei diikuti Zon ASEAN dijadual bermula pada 22 hingga 28 Jun dengan saingan berlangsung dengan format 'round-robin'.

Perlawanan akhir Piala AFC 2021 dijadualkan pada 26 Nov.

- BERNAMA





>> KEDAH DARUL AMAN FC & TERENGGANU FC BERENTAP DI PENTAS ASIA

• Lihat muka 23

# Sukan



<< PSM TUNGGU JAWAPAN KBS

• Lihat muka 23



**MELAKA UNITED  
FOOTBALL CLUB**



FARIS Shah ketika menjalani latihan bersama MUFC sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0, baru-baru ini.

(KREDIT FOTO: Facebook MUFC)

## Ikrar Faris Shah

masih diberi peluang dan kepercayaan oleh Melaka untuk terus berkhidmat bersama pasukan itu.

"Ini tahun keempat saya bersama Melaka dan saya sememangnya cukup selesa beraksi dengan pasukan ini selepas berbakti dengan Kelantan selama dua musim sebelum ini."

"Rakan-rakan sepasukan juga cukup membantu saya sehingga galah sekarang dan itu yang membuatkan saya rasa sayang nak

tinggalkan pasukan ini dan pastinya masih belum rasa puas.

"Kalau nak ikutkan, sebagai pemain yang pernah berdepan kecederaan ACL, memang bukan mudah untuk saya beraksi se pertimanya saya lakukan sebelum saya cedera."

"Jadi, saya sendiri yang kena paksa diri untuk berusaha lebih keras capai prestasi yang diinginkan lagi masih ada pasukan yang percayakan kemampuan saya," katanya lagi.



**MUFC cadang hak penyiaran untuk semua**

MELAKA United Football Club (MUFC) mencadangkan semua stesen penyiar televisyen di negara ini diberikan hak penyiaran bagi perlawanan Liga Malaysia musim 2021 yang dijangka membuka tirai penghujung bulan depan.

• Lihat muka 23